

قُلْ بِرَوْحَةٍ

PETIKAN TITAH
"PENGAJARAN Hijrah
yang sebenar-benarnya,
untuk menyelamat
dan menguatkan akidah
kita. Adapun cara
menyelamat dan
menguatkan akidah itu
ialah dengan amal soleh".
- Titah Sempena
Menyambut
Awal Tahun Hijrah
1439.



مانیسش ایمان

MANISNYA IMAN

"DAN hendaklah kamu membawa bekal dengan secukupnya maka sesungguhnya sebaik-baik bekal itu ialah takwa".
- Firman Allah Subhanahu Wata'alá dalam Surah Al-Baqarah, ayat 197.



Waktu Sembahyang

IMSAK SUBUH SYURUK DUHA ZUHUR ASAR MAGHRIB ISYAK
4.39 4.49 6.09 6.32 12.19 3.35 6.26 7.38

Daerah Belait ditambah 3 Minit
dan Daerah Tutong ditambah 1 Minit

TAHUN 65 / BILANGAN 52

29 APRIL 2020 / 1441 5 رمضان

JABATAN PENERANGAN

EDISI RABU / PERCUMA

"YA Allah,
hanya Engkau jua
tempat kami
berlindung, maka
lindungilah kami,
dari bahaya COVID-19,
dari serangan dan
jangkitannya. Jika
wabak ini bersebab
dari dosa-dosa manusia,
maka Engkau
ampunkanlah.
Sesungguhnya, hanya
Engkau jua Yang Maha
Berhak untuk
memberikan
pengampunan.
Aamiin Ya Rabbal
Alamiin".

- Titah Perutusan Khas
Kebawah Duli Yang Maha Mulia
Paduka Seri Baginda Sultan
dan Yang Di-Pertuan
Negara Brunei Darussalam
Berkenaan Jangkitan Wabak
COVID-19 pada Isnin,
19 Syaaban 1441 Hijrah /
13 April 2020 Masihi di
Istana Nurul Iman.

COVID-19 : Jumlah keseluruhan kekal 138 kes



YANG Berhormat Menteri Kesihatan (kanan) pada Sidang Media bagi Situasi Terkini Jangkitan COVID-19 di Negara Brunei Darussalam yang berlangsung di Dewan Al-'Afiah, Kementerian Kesihatan. Juga hadir pada Sidang Media tersebut, Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (kiri).

Oleh : Ak. Syi'aruddin Pg. Dauddin
Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas

BERAKAS, Selasa, 28 April. - Tidak ada kes baharu disahkan dijangkiti COVID-19 di Negara Brunei Darussalam (NBD) setakat ini menjadikan jumlah keseluruhannya masih kekal sebanyak 138 kes.

Perkara tersebut diumumkan oleh Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Md. Isham bin Haji Jaafar

semasa Sidang Media bagi Situasi Terkini Jangkitan COVID-19 di NBD, di Dewan Al-'Afiah, Kementerian Kesihatan, di sini.

Menurut Yang Berhormat, tidak ada kes baharu disahkan sembah daripada COVID-19 menjadikan jumlah keseluruhan yang sembah kekal 124 orang.

Ke muka 3

STATISTIK TERKINI COVID-19

NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Maklumat setakat 28 APRIL 2020, 2:30 petang

JUMLAH KES JANGKITAN

138

JUMLAH KEMATIAN

1

JUMLAH KES YANG SEMBUH

124

TALIAN NASIHAT KESIHATAN COVID-19

148



KHEDN guna konsep pre-order, drive-thru untuk gerai Ramadan

BERAKAS, Selasa, 28 April. - Merujuk kepada pengumuman Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri (KHEDN) pada Sidang Media 6 April lalu mengenai peniadaan gerai-gerai Ramadan di bawah kawalan Jabatan-jabatan Daerah, Jabatan-jabatan Bandaran dan Jabatan Belia dan Sukan, satu konsep perniagaan, iaitu membuat tempahan awal (pre-order) dan pick up secara drive-thru akan dilaksanakan bagi memudahkan orang ramai untuk membeli juadah berbuka puasa di sepanjang bulan Ramadan.

KHEDN memaklumkan perkara tersebut

selepas mengadakan perbincangan bersama Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) juga atas nasihat Kementerian Kesihatan.

Ia diumumkan oleh Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong semasa Sidang Media bagi Situasi Terkini Jangkitan COVID-19 di NBD yang berlangsung di Dewan Al-'Afiah, Kementerian Kesihatan, di sini.

Ke muka 2

IKUTI KAMI DI



APLIKASI
MUDAH ALIH
InfoDeptBN

Jabatan Penerangan Jabatan Perdana Menteri Brunei Darussalam
infodept.bn infodept_bn

Berita Utama

PENUTUPAN sementara
masjid, surau, balai
ibadat dilanjutkan hingga
4 Mei
Muka 4

MAHASISWA Thailand,
Malaysia UNISSA terima
sumbangan Ramadan
Muka 10

AKIBAT pembakaran
terbuka, sebuah rumah
terbakar
Muka 10

Rencana
BUAH kurma hidangan
berkhasiat pelengkap
berbuka puasa
Muka 14

Tidak dibenarkan berniaga di tepi jalan

Oleh : Ak. Syiaruddin Pg. Dauddin
Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas



BERAKAS, Selasa, 28 April. - Kegiatan jualan juadah Ramadan dalam talian secara umumnya meningkat dan diambil peluang oleh beberapa sektor PMKS.

Dalam kegiatan lain, kegiatan perniagaan secara fizikal, seperti gerai-gerai perniagaan di tepi jalan juga tidak kurang aktifnya, namun perniagaan di tepi jalan adalah melanggar peraturan akta jalan raya di bawah kawalan Jabatan Kerja Raya (JKR).

Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong juga

YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri pada Sidang Media bagi Situasi Terkini Jangkitan COVID-19 di Negara Brunei Darussalam yang berlangsung di Dewan Al-Afiah, Kementerian Kesihatan.

menegaskan, JKR mempunyai kuasa untuk mengambil tindakan kepada peniaga yang berniaga di tepi jalan semasa menjawab persoalan pada Sidang Media bagi Situasi Terkini Jangkitan COVID-19 di Negara Brunei Darussalam, yang berlangsung di Dewan Al-Afiah, di sini.

"Disebabkan itulah, pihak kerajaan kini memperkenalkan perniagaan secara *drive-thru* yang akan diadakan di beberapa tempat di kawasan Stadium Negara Hassanal Bolkiah, bermula 1 Mei 2020 di bawah kawalan Jabatan Belia dan Sukan, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS)," terang Yang Berhormat lagi.

Terdahulu, mengenai peniaga yang berjual juadah Ramadan dari rumah, Yang Berhormat seterusnya menerangkan perniagaan di rumah-rumah (*home-based*) adalah dibolehkan.

KHEDN guna konsep *pre-order*, *drive-thru* untuk gerai Ramadan

Dari muka 1

Yang Berhormat juga menjelaskan, lokasi bagi perniagaan tersebut akan diadakan di beberapa tempat di kawasan Stadium Negara Hassanal Bolkiah (SNHB) dan dibukakan kepada peniaga-peniaga yang akan menggunakan *food truck* sahaja.

"Oleh yang demikian, mana-mana pihak yang berminat untuk menjalankan perniagaan secara *drive-thru* bolehlah menghubungi Jabatan Belia dan Sukan, KKBS bagi mendapatkan maklumat lanjut."

Mana-mana peniaga yang berniaga di premis-premis perniagaan di bawah kawalan Jabatan-jabatan Daerah dan Jabatan-jabatan Bandaran yang juga berhasrat untuk menyertai kaedah perniagaan secara *drive-thru* di premis-premis perniagaan, mereka bolehlah memohon melalui Jabatan-jabatan Daerah dan Jabatan-jabatan Bandaran," ujar Yang Berhormat lagi.

Yang Berhormat juga menyatakan penilaian akan dibuat berdasarkan kepada beberapa perkara, termasuk aspek keselamatan.

Jelas Yang Berhormat lagi, tarikh pelaksanaan bagi perniagaan kaedah *drive-thru* di kawasan SNHB akan bermula pada 1 Mei ini.

RAMALAN CUACA 3 HARI

RABU KHAMIS JUMAAT

BANDAR SERI BEGAWAN	32 °C	32 °C	32 °C
PEKAN BANGAR	32 °C	31 °C	33 °C
PEKAN TUTONG	32 °C	32 °C	32 °C

PEKAN BANGAR	32 °C	31 °C	33 °C
PEKAN TUTONG	32 °C	32 °C	32 °C
KUALA BELAIT	32 °C	32 °C	32 °C

KUALA BELAIT	32 °C	32 °C	32 °C
Wattahalum Bissawab	114	Brunei WX App	
Jabatan Kajiciuaca Brunei Darussalam www.met.gov.bn		Google Play	App Store

JADIKAN RUANG PERASINGAN SEBAGAI TEMPAT YANG AMAN DAN TENANG

- ✓ Pastikan tempat tidur hanyalah untuk berehat.
- ✓ Elakkan dari membuat kerja di atas katil.
- ✓ Sediakan ruang untuk solat atau meditasi.
- ✓ Kumandangkan dzikir kegemaran, doa-doa atau alunan musik yang menenangkan.



WAKTU SEMBAHYANG

firman Allah Ta'ala dalam Surah Al-Ankabut, ayat 45, bermaksud:
"...dan dirikanlah sembahyang sesungguhnya sembahyang itu mencegah daripada fasy' dan mungkar."

Masihi APRIL	HARI	Hijrah RAMADAN	IMSAK	SUBUH	SYURUK	DUHA	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
29	RABU	5	4.39	4.49	6.09	6.32	12.19	3.35	6.26	7.38
30	KHAMIS	6	4.39	4.49	6.09	6.32	12.19	3.35	6.26	7.38
1 MEI	JUMAAT	7	4.38	4.48	6.09	6.32	12.18	3.36	6.26	7.38
2	SABTU	8	4.38	4.48	6.08	6.31	12.18	3.36	6.26	7.38
3	AHAD	9	4.38	4.48	6.08	6.31	12.18	3.36	6.26	7.38
4	ISNIN	10	4.37	4.47	6.08	6.31	12.18	3.36	6.26	7.38
5	SELASA	11	4.37	4.47	6.08	6.31	12.18	3.37	6.26	7.38

Daerah Brunei Muara & Temburong. Peringatan: Waktu-waktu sembahyang bagi Daerah Tutong ditambah 1 minit dan Daerah Belait ditambah 3 minit

TALIAN KECEMASAN

AMBULANS 991 | POLIS 993 | BOMBA 995 | PENYELAMAT 998

(Talian Darussalam) JABATAN PERKHIDMATAN ELEKTRIK
JABATAN PENGANGKUTAN DARAT.
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN DAN e-darussalam

NDMC 123 | 2380214

Dari Sidang Pengarang.

29 APRIL 2020 BERSAMAAN 1441 رمضان 5

AMBIL PELUANG ERATKAN HUBUNGAN BERSAMA KELUARGA

UMAT Islam di negara ini sudah memasuki hari ke lima menunaikan ibadah puasa, salah satu rukun Islam, satu yang dituntut dan wajib dilaksanakan, sebagaimana firman Allah Subhanahu Wata'alá dalam Surah Al-Baqarah, ayat 183 : "Hai orang-orang yang beriman diwajibkan ke atas kalian puasa, sebagaimana diwajibkan atas orang-orang sebelum kalian agar kalian bertakwa".

Kedatangan bulan Ramadan sememangnya amat dinanti-nantikan kerana ia adalah bulan penuh berkat, yang baik dari seribu bulan. Bagaimanapun apa yang ketara pada tahun ini ialah perbezaan menyambut bulan keberkatan ini disebabkan oleh pandemik COVID-19 yang bukan sahaja negara kita yang terkesan, malahan juga secara global.

Dengan penutupan sementara masjid-masjid, surau dan balai ibadat, sebagai salah satu langkah membendung penularan wabak COVID-19 di negara ini, setentunya mengubah cara kita beribadah, bagaimanapun ia bukan alasan untuk tidak melaksanakan ibadah yang wajib dilaksanakan seperti bersembahyang kerana ia boleh saja dilaksanakan di rumah secara bersendirian mahupun bersama keluarga.

Ini juga boleh diaplakasikan kepada melaksanakan ibadah Sembahyang Sunat Tarawih, Witir dan Tadarus Al-Quran. Walaupun pada lazimnya ia dilaksanakan di masjid-masjid, surau atau balai ibadat, pada kali ini boleh saja ia dilaksanakan di rumah. Maka ada pelbagai cara untuk meraih pahala di bulan yang mulia ini.

Malahan ambil peluang ini untuk mengeratkan hubungan bersama keluarga dengan sembahyang berjemaah dan juga bertadarus.

Pada bulan Ramadan ini juga, umat Islam dituntut untuk membayar zakat. Dalam mendepani COVID-19, memandangkan masjid, surau dan balai ibadat masih ditutup sementara, garis pandu disediakan bagi memudahkan orang ramai.

Masjid, surau dan balai-balai ibadat akan dibuka untuk pembayaran Zakat Fitrah dan Harta, mulai jam 8.30 pagi hingga 11.00 pagi; dan 1.00 petang hingga 3.00 petang, setiap hari, dengan mematuhi garis pandu Kementerian Kesihatan, terutama penjarakan fizikal dan sosial di kawasan ruang legar atau beranda masjid sahaja. Jika sesébuah masjid berkenaan tidak mempunyai ruangan sedemikian, maka satu ruangan lain di kawasan berhampiran masjid akan digunakan.

Usaha-usaha juga sedang diatur agar pembayaran Zakat Fitrah dan Harta dapat dibuat di bangunan-bangunan utama kementerian-kementerian secara berjudual.

Dalam hal ini, orang ramai adalah dinasihatkan untuk melaksanakan tanggungjawab pembayaran zakat lebih awal bagi mengelakkan kesesakan atau terpaksa beratur panjang di saat-saat akhir.

Alhamdulillah, kita sudah berada di bulan Ramadan. Ambillah peluang untuk meraih pahala lebih-lebih lagi pada bulan ini terdapat satu malam istimewa, iaitu Malam Lailatulqadar, peluang yang datang hanya datang sekali setahun. Maka rebutlah peluang ini. Mudah-mudahan amalan kita akan diterima oleh Allah Subhanahu Wata'alá jua. Amin... Ya Rabbal Alamin... - Ketua Penyuntingan (Ss).

COVID-19 : Jumlah keseluruhan kekal 138 kes



YANG Berhormat Menteri Kesihatan pada Sidang Media bagi Situasi Terkini Jangkitan COVID-19 di Negara Brunei Darussalam.

Dari muka 1

Yang Berhormat seterusnya berkata, terdapat 13 kes aktif masih dirawat, di mana dua daripadanya masih dalam keadaan kritis dan memerlukan bantuan mesin tambahan Heart / Lung Machine (ExtraCorporal Membrane Oxygenation - ECMO), di samping bantuan mesin pernafasan, manakala selebihnya adalah dalam keadaan yang baik.

"Pada hari ini juga, seramai 66 orang sedang menjalani kuarantin menurut Akta Penyakit

Oleh : Ak. Syiaruddin Pg. Dauddin
Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas

"ALHAMDULILLAH, keadaan negara pada masa ini adalah terkawal, faktor yang kedua adalah dengan penyediaan 'contact tracing' menerusi kecerdasan buatan (artificial intelligence) untuk mensiapsiagakan lagi negara kitani sekiranya ada serangan kedua (second wave). Selain itu, kesedaran orang ramai juga sangat penting untuk sentiasa mengamalkan penjarakan sosial dan sebagainya".

Berjangkit Penggal 204, manakala jumlah keseluruhan mereka yang menamatkan tempoh kuarantin ialah sebanyak 2,509 orang.

Dalam tempoh 24 jam yang lalu, sebanyak 114 sampel diuji bagi virus SARS-CoV-2 yang membawa jumlah keseluruhan ujian makmal dijalankan sejak Januari 2020 kepada 13,263 ujian," jelas Yang Berhormat.

Mengenai dengan kes yang sembuh, tetapi didapati positif semasa pemeriksaan susulan, Yang Berhormat seterusnya memaklumkan bahawa tidak ada kes disahkan positif semula, manakala satu kes dibenarkan untuk pulang, yang membawa jumlah keseluruhan kes yang sedemikian pada masa ini seramai 21 orang, di mana tujuh orang masih menjalani pemeriksaan dan ujian lanjut.

Ketika disoal oleh media mengenai faktor-faktor bagi

pertimbangan untuk penarikan balik sekatan di negara ini, Yang Berhormat seterusnya menjelaskan ia adalah bergantung kepada keadaan negara nanti.

"Alhamdulillah, keadaan negara pada masa ini adalah terkawal, faktor yang kedua adalah dengan penyediaan *contact tracing* menerusi kecerdasan buatan (*artificial intelligence*) untuk mensiapsiagakan lagi negara kitani sekiranya ada serangan kedua (*second wave*).

"Selain itu, kesedaran orang ramai juga sangat penting untuk sentiasa mengamalkan penjarakan sosial dan sebagainya," ujar Yang Berhormat.

Untuk maklumat lanjut dan perkembangan terkini, orang ramai boleh melayari Laman Sesawang Kementerian Kesihatan, iaitu www.moh.gov.bn atau menghubungi Talian Nasihat Kesihatan 148 atau melalui aplikasi *healthinfo.gov.bn*.

Garis Panduan Acara Sosial, Mesyuarat dan Latihan Kursus semasa situasi wabak COVID-19 dikemas kini

Dapatkan maklumat terkini mengenai situasi COVID-19 di Negara Brunei Darussalam melalui Telegram rasmi GOV.BN
<https://t.me/govbnofficial>
atau imbas QR code



Siaran Akhbar :
Kementerian Kesihatan

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 28 April. - Kementerian Kesihatan ingin memaklumkan mengenai pengemaskinian terkini bagi maklumat yang terdapat dalam Garis Panduan Acara Sosial, Mesyuarat dan Latihan Kursus semasa situasi wabak COVID-19 di Negara Brunei Darussalam.

Pengemaskinian ini melibatkan pertukaran beberapa maklumat pada para (3)(b) Pendaftaran Perkahwinan dan Majlis Akad Nikah. Dengan ini, garis panduan yang dikeluarkan sebelum ini, iaitu pada 23 April 2020 yang lalu tidak lagi digunakan bagi rujukan dan digantikan dengan garis panduan yang bertarikh Selasa, 28 April 2020.

Untuk maklumat lanjut mengenai garis panduan di atas, orang ramai bolehlah melayari Laman Sesawang Kementerian Kesihatan www.moh.gov.bn/SitePages/guidelinesCOVID-19.aspx atau menghubungi Talian Nasihat Kesihatan 148.

MAKLUMAT PENTING COVID-19

NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Penutupan sementara masjid, surau, balai ibadat dilanjutkan hingga 4 Mei

Pada menjunjung titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Kementerian Hal Ehwal Ugama memaklumkan bahawa penutupan sementara masjid-masjid, surau-surau dan balai-balai ibadat seluruh negara yang dilanjutkan lagi selama satu minggu mulai Selasa, 4 Ramadan 1441 Hijrah bersamaan 28 April 2020 Masihi hingga Isnin, 11 Ramadan 1441 Hijrah bersamaan 4 Mei 2020 Masihi.

MUIB keluarkan tatacara Pembayaran Zakat Fitrah dan Harta

Majlis Ugama Islam Brunei mengeluarkan tatacara Pembayaran Zakat Fitrah dan Harta Sepanjang Bulan Ramadan Tahun 1441 Hijrah / 2020 Masihi melalui e-poster dan berita mengeninya yang telah dikeluarkan.

Bagi pembayaran zakat fitrah dan harta masjid, surau dan balai-balai ibadat akan dibuka mulai jam 8.30 pagi hingga 11.00 pagi; dan 1.00 petang hingga 3.00 petang, setiap hari, dengan mematuhi garis pandu Kementerian Kesihatan, terutama penjarakan fizikal dan sosial di kawasan ruang legar atau beranda masjid sahaja.

Orang ramai untuk melaksanakan tanggungjawab pembayaran zakat lebih awal bagi mengelakkan kesesakan atau terpaksa beratur panjang di saat-saat akhir, seumpama pengalaman-pengalaman lalu apabila ramai umat Islam yang membayar zakat fitrah mereka pada 'malam pukol', iaitu malam Hari Raya Aidilfitri.

Amalkan bacaan Doa Qunut Nazilah semasa sembahyang fardu

Sebagaimana Titah Perutusan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sempena Menyambut Bulan Ramadan Tahun 1441 Hijrah / 2020 Masihi, baru-baru ini, Kementerian Hal Ehwal Ugama menyediakan teks Doa Qunut Nazilah yang ringkas dan padat untuk diedarkan kepada orang ramai, yang boleh juga didapati melalui media sosial.

Doa Qunut Nazilah yang disediakan sebahagian besarnya adalah Doa Qunut biasa yang dibaca semasa Sembahyang Fardu Subuh, dengan sedikit tambahan yang berkaitan dengan wabak.

Pastikan anak damit dapatkan vaksinasi terkini

Kementerian Kesihatan terus menyediakan perkhidmatan imunisasi di pusat-pusat kesihatan di seluruh negara dan menjalankan vaksinasi, khususnya kepada anak-anak kecil juga golongan warga emas.

Para ibu bapa dan penjaga adalah disarankan untuk memastikan anak damit mereka mendapat vaksinasi terkini, seperti yang dijadualkan. Dengan kerjasama kesemua pihak, insyaaAllah Negara Brunei Darussalam akan dapat mengekalkan kadar liputan imunisasi yang tinggi, iaitu melebihi 95 peratus, di mana akan mendorong kepada pencapaian Wawasan Negara Brunei Darussalam 2035 ke arah kualiti kehidupan yang tinggi.

Konsep perniagaan tempahan awal, drive-thru bermula 1 Mei

Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri memaklumkan berasaskan kepada perbincangan dengan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dan atas nasihat Kementerian Kesihatan bahawa bagi memudahkan orang ramai untuk membeli juadah berbuka puasa sepanjang bulan Ramadan, satu konsep perniagaan telah diperkenalkan, iaitu berdasarkan secara tempahan awal (*pre-order*) dan *pick up* secara *drive-thru* akan diadakan di beberapa tempat di kawasan Stadium Negara Hassanal Bolkiah dan dibukakan kepada peniaga-peniaga yang menggunakan *food truck* sahaja bermula pada 1 Mei 2020.

Tiada catatan kes baharu COVID-19

Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani
Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 27 April. - Kementerian Kesihatan memaklumkan bahawa tidak ada kes baharu jangkitan COVID-19 disahkan di negara ini menjadikan jumlah keseluruhan kes COVID-19 masih kekal seramai 138 orang.

Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Md. Isham bin Haji Jaafar juga memaklumkan bahawa satu kes disahkan sembuh daripada COVID-19, menjadikan jumlah keseluruhan yang sembuh menjadi 124 orang.

"Ini membawa jumlah kes aktif yang masih dirawat di Pusat Pengasingan Kebangsaan pada ketika ini kepada 13 orang. Daripada jumlah tersebut, dua daripadanya masih dalam keadaan kritis dan kedua-duanya masih memerlukan bantuan mesin tambahan Heart / Lung Machine (ExtraCorporal Membrane Oxygenation - ECMO),

di samping bantuan mesin pernafasan.

Selebihnya adalah dalam keadaan yang baik," ujar Yang Berhormat pada Sidang Media bagi Situasi Terkini Jangkitan COVID-19 di Negara Brunei Darussalam yang berlangsung di Dewan Al-Afiah, Kementerian Kesihatan.

Pada hari ini, menurut Yang Berhormat, seramai 114 orang sedang menjalani kuarantin menurut Akta Penyakit Berjangkit Penggal 204, manakala jumlah keseluruhan mereka yang menamatkan tempoh kuarantin ialah seramai 2,452 orang.

Dalam tempoh 24 jam lalu, jelas Yang Berhormat lagi, sebanyak 168 sampel diuji bagi virus SARS-CoV-2 yang membawa jumlah keseluruhan ujian makmal dijalankan sejak Januari 2020 kepada 13,149 ujian.



YANG BERHORMAT MENTERI KESIHATAN pada Sidang Media bagi Situasi Terkini Jangkitan COVID-19 di Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat menjelaskan, mengenai dengan kes yang sembuh, tetapi didapati positif semasa pemeriksaan susulan, Kementerian Kesihatan ingin memaklumkan bahawa tidak ada kes disahkan positif semula pada hari ini.

Ini membawa jumlah keseluruhan kes yang sedemikian pada masa ini kekal seramai 21 orang, di mana lapan orang masih menjalani pemeriksaan dan ujian lanjut.

Untuk maklumat lanjut dan perkembangan terkini, orang ramai boleh melayari Laman Sesawang Kementerian Kesihatan, iaitu www.moh.gov.bn atau menghubungi Talian Nasihat Kesihatan 148 atau melalui aplikasi healthinfo.gov.bn.



YANG BERHORMAT MENTERI HAL EHWAL UGAMA pada Sidang Media bagi Situasi Terkini Jangkitan COVID-19 di Negara Brunei Darussalam.

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 27 April. - Pada menjunjung titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) ingin mengumumkan bahawa oleh kerana masih ada kebimbangan mengenai bahaya jangkitan COVID-19 di negara kita, oleh itu, penutupan sementara masjid-masjid, surau-surau dan balai-balai ibadat seluruh negara yang akan berakhir pada 4 Ramadan 1441 Hijrah bersamaan 27 April 2020 Masihi dilanjutkan lagi selama satu minggu mulai Selasa, 4 Ramadan 1441 Hijrah bersamaan 28 April 2020 Masihi hingga Isnin, 11 Ramadan 1441 Hijrah bersamaan 4 Mei 2020 Masihi.

Penutupan sementara masjid, surau, balai ibadat dilanjutkan hingga 4 Mei

Perkara tersebut dijelaskan oleh Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman pada Sidang Media bagi Situasi Terkini Jangkitan COVID-19 di Negara Brunei Darussalam yang diadakan di Dewan Al-Afiah, Kementerian Kesihatan.

Menurut Yang Berhormat, ketetapan penutupan sementara ini dibuat dalam Mesyuarat Khas Majlis Ugama Islam Brunei pada Khamis, 29 Syaaban 1441 Hijrah bersamaan 23 April 2020 Masihi berdasarkan keterangan daripada Kementerian Kesihatan berhubung dengan keperluan meneruskan langkah-langkah membendung penularan jangkitan wabak COVID-19 dan berpandukan Hukum Syarak mengenainya, sebagaimana yang difatwakan dalam Fatwa Mufti Kerajaan bil. 02/2020.

Untuk kemudahan orang ramai, jelas Yang Berhormat, Majlis Ugama Islam Brunei (MUIB) mengeluarkan tatacara Pembayaran Zakat Fitrah dan Harta Sepanjang Bulan Ramadan Tahun 1441 Hijrah / 2020 Masihi melalui e-poster dan berita mengenainya yang dikeluarkan.

"Masjid, surau dan balai-balai ibadat akan dibuka untuk pembayaran zakat fitrah dan harta, mulai jam 8.30 pagi

hingga 11.00 pagi; dan 1.00 petang hingga 3.00 petang, setiap hari, dengan mematuhi garis pandu Kementerian Kesihatan, terutama penjarakan fizikal dan sosial di kawasan ruang lebar atau beranda masjid sahaja. Jika sesebuah masjid berkenaan tidak mempunyai ruangan sedemikian, maka satu ruangan lain di kawasan berhampiran masjid akan digunakan," ujar Yang Berhormat.

Bagi langkah-langkah lain untuk memudahkan pembayaran zakat fitrah dan harta, tambah Yang Berhormat lagi, usaha-usaha juga sedang diatur agar pembayaran zakat fitrah dan harta dapat dibuat di bangunan-bangunan utama kementerian-kementerian secara berjadual.

Jelas Yang Berhormat lagi, amil-amil daripada Jabatan Majlis Ugama Islam akan menjalankan kutipan tersebut.

"KHEU mengambil peluang menasihatkan orang ramai untuk melaksanakan tanggungjawab pembayaran zakat lebih awal bagi mengelakkan kesesakan atau terpaksa beratur panjang di saat-saat akhir, seperti pengalaman-pengalaman lalu apabila ramai umat Islam yang membayar zakat fitrah mereka pada 'malam pukol', iaitu malam Hari Raya Aidilfitri," ujar Yang Berhormat.

Kementerian Kesihatan terus aktif sedia perkhidmatan imunisasi

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 27 April. - Sempena Minggu Imunisasi Sedunia pada 24 hingga 30 April ini, Kementerian Kesihatan ingin menekankan mengenai kepentingan imunisasi dalam melindungi masyarakat daripada penyakit-penyakit yang dapat dicegah dengan menggunakan vaksin.

Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Md. Isham bin Haji Jaafar berkata bahawa dengan tema #VaksinBerkesan Untuk Semua (#VaccinesWork for All) pada tahun ini, sambutan Minggu Imunisasi Sedunia bertujuan untuk meningkatkan kesedaran mengenai peranan imunisasi sebagai salah satu langkah bagi melindungi orang ramai di semua peringkat umur (yang merangkumi kanak-kanak, remaja, orang dewasa dan warga emas) terhadap penyakit-penyakit yang dapat dicegah oleh vaksin, seperti influenza, demam campak, mumps, rubela dan sebagainya.

Sehubungan itu, jelas Yang Berhormat, meskipun Negara Brunei Darussalam (NBD) dilanda jangkitan wabak COVID-19, Kementerian Kesihatan terus menyediakan perkhidmatan imunisasi di pusat-pusat kesihatan di seluruh negara dan menjalankan vaksinasi, khususnya kepada anak-anak kecil juga golongan warga emas.

"Para ibu bapa dan penjaga adalah disarankan untuk memastikan anak damit mereka mendapat vaksinasi terkini, seperti yang dijadualkan. Dengan kerjasama kesemuanya pihak, insyaAllah NBD akan dapat mengelakkan kadar liputan imunisasi yang tinggi, iaitu melebihi 95 peratus, di mana akan mendorong kepada pencapaian Wawasan Negara Brunei Darussalam 2035 ke arah kualiti kehidupan yang tinggi," ujar Yang Berhormat pada Sidang Media bagi Situasi Terkini Jangkitan COVID-19 di NBD yang berlangsung di Dewan Al-Afiah, Kementerian Kesihatan.

Terus amalkan Doa Qunut Nazilah

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 27 April. - Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman berkata bahawa Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) suka cita menghargai usaha penduduk Islam di negara ini yang mengerjakan Sembahyang Sunat Tarawih di kediaman masing-masing bersama ahli keluarga dengan berpandukan kepada garis pandu Kementerian Kesihatan.

"Dalam pada itu, KHEU mengambil maklum ada setengah-tengah keluarga yang memerlukan imam dari bukan kalangan keluarga yang memang sudah biasa, iaitu Guru-guru Ugama Bertauliah yang menjadi guru dan imam mereka, maka yang sedemikian itu adalah dibenarkan," ujar Yang Berhormat pada Sidang Media bagi Situasi Terkini Jangkitan COVID-19 di Negara Brunei Darussalam yang diadakan di Dewan Al-Afiah, Kementerian Kesihatan.

Menurut Yang Berhormat, mengenai pembacaan Doa Qunut Nazilah, sebagaimana Titah Perutusan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sempena Menyambut Bulan Ramadhan Tahun 1441 Hijrah / 2020 Masihi baru-baru ini, KHEU menyediakan teks Doa Qunut Nazilah yang ringkas dan padat untuk diedarkan kepada orang ramai, yang boleh juga didapat melalui media sosial.

"Teks Doa Qunut Nazilah yang disediakan ini, sebahagian besarnya adalah Doa Qunut biasa yang dibaca semasa Sembahyang Fardhu Subuh, dengan sedikit tambahan yang berkaitan dengan wabak," ujar Yang Berhormat.

Maka selaku rakyat negara ini, tambah Yang Berhormat lagi, sama-sama kita menjunjung kasih atas kurnia titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam itu dan sama-sama kita mengamalkan Doa Qunut ini, di mana ia dibaca adalah untuk menolak kecelakaan, bala bencana atau bahaya yang menimpa, seperti ketakutan, kemarau, wabak penyakit dan selainnya.

Jelas Yang Berhormat lagi, perkara ini pernah dilakukan oleh Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam sendiri sebagaimana hadis sahih yang diriwayatkan oleh Imam Abu Daud.

COVID-19 : Kelonggaran sekatan masih dalam perbincangan

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 27 April. - Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Md. Isham bin Haji Jaafar menjelaskan bahawa sekatan-sekatan yang dikuatkuasakan berikutkan dengan pengawalan penularan jangkitan wabak COVID-19 masih dalam perbincangan.

Menteri Kesihatan turut menjelaskan bahawa jika sekatan-sekatan tertentu yang akan dilonggarkan, ia perlu mendapat perbincangan yang lebih teliti, seperti bagaimana caranya dan ia tidak akan dapat dilakukan dengan sekali gus.

"Pada masa ini, apa yang dibincangkan ialah bagaimana ia dilakukan untuk dalam negara. Dengan adanya aplikasi nanti akan membantu kita untuk *lift restrictions*. Kita juga membuat perbincangan bersama kementerian-kementerian tertentu. Dan jika sudah bersedia, ia akan diumumkan kemudian," ujarnya pada Sidang Media bagi Situasi Terkini Jangkitan COVID-19 di Negara Brunei Darussalam yang berlangsung di Dewan Al-Afiah, Kementerian Kesihatan.

Harga maksimum tujuh kategori barang makanan ditetapkan

BIL.	JENIS / JENAMA MAKANAN	NEGERA ASAL	PEK	BERAT / SAIZ	HARGA MAKSIMUM
AYAM					
1	Daging Ayam Bulat (Whole Chicken)			1 kg	\$ 4.30
TELUR AYAM					
2	Gred AA			Sebiji	\$ 0.20
3	Gred AA		Tray	30 biji	\$ 6.00
4	Gred A			Sebiji	\$ 0.19
5	Gred A		Tray	30 biji	\$ 5.70
6	Gred B			Sebiji	\$ 0.18
7	Gred B		Tray	30 biji	\$ 5.40
8	Gred C			Sebiji	\$ 0.17
9	Gred C		Tray	30 biji	\$ 5.10
PRODUK TENUSU: SUSU PEKAT					
10	CAP JUNJUNG - Krimer manis (Edisi Khas)	Malaysia	Tin	388 g	\$ 1.10
11	CAP JUNJUNG - Krimer manis (Lady w/ pail pic.)	Malaysia	Tin	500 g	\$ 1.25
12	COW BELL - Sweetened beverage creamer/ Krimer kental manis	Singapore	Tin	380 g	\$ 0.90
13	COW BELL - Sweetened beverage creamer/ Krimer kental manis	Singapore	Tin	500 g	\$ 1.15
14	COW BELL - Sweetened beverage creamer / Krimer kental manis	Singapore	Tin	1 kg	\$ 2.05
15	DAIRY CHAMP - Sweetened creamer / Krimer manis (cup & saucer pic)	Malaysia	Tin	385 g	\$ 1.20
16	DAIRY CHAMP - Sweetened creamer / Krimer manis (cup & saucer pic.)	Malaysia	Tin	500 g	\$ 1.40
17	DAIRY CHAMP - Sweetened creamer (Tarik lebih buih)	Malaysia	Tin	500 g	\$ 1.60
18	DAIRY CHAMP - Sweetened creamer / Krimer manis (cup & saucer pic.)	Malaysia	Tin	1 kg	\$ 2.40
19	ENAAK - Sweetened creamer / Krimer manis	Malaysia	Tin	500 g	\$ 0.95
20	ENAAK - Sweetened creamer	Malaysia	Tin	1 Kg	\$ 1.85
21	E.R.A - Fortified with vit A, B1 & D3 sweetened beverage creamer	Malaysia	Tin	390 g	\$ 0.90
22	E.R.A - Fortified with vit A, B1 & D3 sweetened beverage creamer	Malaysia	Tin	1 kg	\$ 1.85
23	F & N - High calcium sweetened creamer / Kalsium tinggi krimer manis (Turquoise)	Malaysia	Tin	390 g	\$ 1.20
24	F & N - High calcium sweetened creamer / Kalsium tinggi krimer manis (Turquoise)	Malaysia	Tin	1 kg	\$ 2.20
25	GOLD COIN - Kopi & Teh tarik sweetened creamer (More foam)	Malaysia	Tin Yellow	390 g	\$ 0.85
26	GOLD COIN - Kopi & Teh tarik sweetened creamer (More foam)	Malaysia	Tin Yellow	1 kg	\$ 2.05
27	INDOMILK - Nutritious milk sweetened condensed filled milk	Indonesia	Tin Blue	385 g	\$ 1.05
28	INDOMILK - Nutritious milk sweetened condensed milk w/ real choc	Indonesia	Tin Choc.	385 g	\$ 1.10
29	MARIGOLD - Sweetened beverage creamer	Singapore	Tin	380 ml	\$ 1.00
30	MARIGOLD - Sweetened creamer	Singapore	Tin	1000 ml	\$ 2.20
31	MARIGOLD - Specially formulated for kopi & teh tarik sweetened creamer	Malaysia	Tin	500 ml	\$ 1.25
32	TARIK-TARIK - Krimer manis	Malaysia	Tin	1 Kg	\$ 1.95
33	TARIK-TARIK - Krimer manis	Malaysia	Tin	500 g	\$ 1.10
34	TARIK-TARIK - Krimer manis	Malaysia	Tin	380 g	\$ 0.90
35	TEA POT - Pilihan krimer manis	Malaysia	Tin	500 g	\$ 1.00
PRODUK TENUSU: SUSU CAIR					
36	CARNATION - Evaporated creamer	Malaysia	Tin	390 g	\$ 1.05
37	COW BELL - Evaporated creamer / Susu isian sejat	Singapore	Tin	400 g	\$ 1.05
38	DAIRY CHAMP - Evaporated filled milk / Susu isian sejat	Malaysia	Tin	390 g	\$ 1.50
39	ENAAK - Evaporated filled milk / Susu isian sejat	Malaysia	Tin	400 g	\$ 0.95
40	E.R.A - Fortified with vit A & D3 evaporated creamer	Malaysia	Tin	400 g	\$ 0.95
41	F & N - Evaporated filled milk / Susu isian sejat	Malaysia	Tin Blue	390 g	\$ 1.15
42	F & N - Evaporated creamer / Krimer sejat	Malaysia	Tin Pink	390 g	\$ 1.15
43	GOLD COIN - Evaporated creamer	Singapore	Tin	390 g	\$ 1.05
44	IDEAL - Susu sejat penuh krim	Malaysia	Tin	390 g	\$ 1.45
45	MARIGOLD - Full cream evaporated milk high calcium	Singapore	Tin Blue	395 ml	\$ 1.30
46	MARIGOLD -Evaporated creamer	Singapore	Tin	385 ml	\$ 1.15
47	MIYACHI - Evaporated creamer / Krimer sejat	Malaysia	Tin	400 g	\$ 0.95
48	TARIK-TARIK - Krimer sejat	Malaysia	Tin	390 g	\$ 0.95
49	TEA POT -Evaporated creamer	Malaysia	Tin	390 g	\$ 0.95
PRODUK TENUSU: SUSU KRIM					
50	NESTLE - Table cream - Premium quality	Australia	Tin	380 ml	\$ 3.00
51	NESTLE - Cream premium quality reconstituted cream	Brasil	Tin	300 g	\$ 2.60
52	NESTLE - All-purpose cream	Philippines	Tin	250 g	\$ 2.10
PRODUK TENUSU: MENTEGA					
53	ANCHOR -Pure New Zealand butter	New Zealand	Tin	454 g	\$ 6.60
54	ANCHOR -Pure New Zealand butter	New Zealand	Tin	2 kg	\$ 27.00
55	GOLDEN CHURN - Pure creamery butter	New Zealand	Tin Golden	340 g	\$ 6.70
56	GOLDEN CHURN - Pure creamery butter	New Zealand	Tin Golden	454 g	\$ 8.15
57	GOLDEN CHURN - Pure creamery butter	New Zealand	Tin Golden	2 kg	\$ 33.20
PRODUK TENUSU: MENTEGA (CHILL WRAPPED)					
58	ANCHOR -Pure New Zealand butter salted	New Zealand	Blue Wrap	250 g	\$ 3.45
59	ANCHOR -Pure New Zealand butter unsalted	New Zealand	Blue Wrap	227 g	\$ 3.30
60	BUTTERCUP - Original salted	Malaysia	Golden Wrap	250 g	\$ 1.95
61	BUTTERCUP - Original salted	Malaysia	Golden Wrap	500 g	\$ 3.75
62	EMBORG BUTTER - Salted	Denmark	Silver Wrap	250 g	\$ 3.85
63	EMBORG BUTTER - Unsalted	Denmark	Silver Wrap	250 g	\$ 3.85
64	EMBORG BUTTER - Cook and bake	Denmark	Golden Wrap	250 g	\$ 1.80

BIL.	JENIS / JENAMA MAKANAN	NEGERA ASAL	PEK	BERAT / SAIZ	HARGA MAKSIMUM
PRODUK TENUSU : MARJERIN					
65	GOLDEN CHURN - Australian pure creamery butter salted	Australia	Golden Wrap	250 g	\$ 4.20
66	GOLDEN CHURN - Australian pure creamery butter unsalted	Australia	Golden Wrap	227 g	\$ 4.20
67	OLDENBURGER - Salted butter	Germany	Silver Wrap	250 g	\$ 3.20
PRODUK TENUSU: GHEE					
68	BLUE BELL - Butterly indulge premium quality (Omega 6 & 9)	Malaysia	Plastic Pack	1 kg	\$ 2.25
69	DAISY - Marjerin bakeplus increases cake & creaming Volume	Malaysia	Plastic Cont.	240 g	\$ 2.10
70	DAISY - Marjerin bakeplus increases cake & creaming volume	Malaysia	Plastic Cont.	480 g	\$ 3.00
71	DAISY - Marjerin bakeplus increases cake & creaming Volume	Malaysia	Tin	1 kg	\$ 4.55
72	DAISY - Marjerin bakeplus increases cake & creaming volume	Malaysia	Tin	2.5 kg	\$ 8.30
73	D BAKE - Marjerin / Margarine trans-fat free	Malaysia	Plastic Pack	1 kg	\$ 2.20
74	PLANTA - Multi-purpose (Baking, cooking, spreading)	Malaysia	Plastic Cont.	240 g	\$ 2.00
75	PLANTA - Multi-purpose (Baking, cooking, spreading)	Malaysia	Plastic Cont.	480 g	\$ 3.30
76	PLANTA - Multi-purpose (Baking, cooking, spreading)	Malaysia	Tin	1 kg	\$ 5.30
77	PLANTA - Multi-purpose (Baking, cooking, spreading)	Malaysia	Tin	2.5 kg	\$ 10.30
78	PLANTA - Multi-purpose (Baking, cooking, spreading)	Malaysia	Bucket	4.8 kg	\$ 18.50
79	SERI PELANGI - Marjerin pilihan bijak lagi menyelerakan	Malaysia	Plastic Pack	1 kg	\$ 2.35
TEPUNG : PLAIN					
80	LEILA - Minyak sapi tulin / Pure ghee	Singapore	Tin	400 g	\$ 7.35
81	LEILA - Minyak sapi tulin / Pure ghee	Singapore	Tin	800 g	\$ 14.20
82	LEILA - Minyak sapi tulin / Pure ghee	Singapore	Tin	1.6 kg	\$ 25.45
83	Q.B.B - Pure ghee / Minyak sapi tulen - Mentega jernihan	Malaysia	Tin	150 g	\$ 3.30
84	Q.B.B - Pure ghee / Minyak sapi tulen - Mentega jernihan	Malaysia	Tin	400 g	\$ 8.00
85	Q.B.B - Pure ghee / Minyak sapi tulen - Mentega jernihan	Malaysia	Tin	800 g	\$ 15.05
86	Q.B.B - Pure ghee / Minyak sapi tulen - Mentega jernihan	Malaysia	Tin	1.6 kg	\$ 28.50
87	WINDMILL - Ghee blend	Malaysia	Tin	200 g	\$ 2.95
88	WINDMILL - Ghee blend	Malaysia	Tin	400 g	\$ 5.00
89	WINDMILL - Ghee blend	Malaysia	Tin	800 g	\$ 8.95
TEPUNG : SELF RAISING FLOUR					
90	PRIMA - Plain Flour	Singapore	Pkt Blue	1 kg	\$ 2.35
91	BAKE KING - Self Raising Flour	Singapore	Pkt Red	1 kg	\$ 2.90
92	PRIMA - Self Raising Flour	Singapore	Pkt Red	1 kg	\$ 2.55
TEPUNG : CAKE FLOUR					
93	PRIMA - Cake Flour	Singapore	Pkt Gold	1 kg	\$ 2.90
TEPUNG : BREAD FLOUR					
94	PRIMA - Bread Flour	Singapore	Pkt Green	1 kg	\$ 2.80
TEPUNG : TOP FLOUR					
95	PRIMA - Top Flour	Singapore	Pkt	1 kg	\$ 2.55
TEPUNG : CORN STARCH					

Lakastah menderma darah : 28, 30 April

Siaran Akhbar dan Infografik : Kementerian Kesihatan

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 27 April. - Kementerian Kesihatan melalui Pusat Pendermaan Darah Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha (RIPAS), Jabatan Perkhidmatan Makmal akan mengadakan Kempen Derma Darah pada waktu malam pada tarikh, jam dan tempat yang dijadualkan.


Kempen Derma Darah tersebut dibuka kepada penderma-penderma yang beragama Islam khasnya.

Kempen akan diadakan selama dua hari, iaitu 28 April 2020 dan 30 April 2020, bermula jam 8.00 malam hingga 10.00 malam, di Pusat Pendermaan Darah, Hospital RIPAS.

Bagi penderma yang bukan beragama Islam adalah digalakkan untuk menderma pada waktu siang, namun jika tidak berkesempatan, abiskita juga dialu-alukan untuk menderma pada waktu malam.

Pendermaan darah secara kerap dan sukarela adalah penting bagi memastikan stok bekalan darah sentiasa di tahap optima dan mencukupi bagi menampung penggunaan di kesemua hospital di Negara Brunei Darussalam.

Kempen Derma Darah pada waktu malam ini juga memerlukan abiskita untuk membuat perjanjian terlebih dahulu melalui laman sesawang <https://calendly.com/bdcripas>.



Operasi lanjutan KEMPEN PENDERMAAN DARAH

**Selasa, 28hb April, 2020 &
Khamis, 30hb April, 2020**

**8.00 PM - 10.00 PM
Pusat Pendermaan Darah,
Hospital RIPAS**

Orang ramai yang berhasrat untuk menderma bolehlah membuat perjanjian melalui laman sesawang :
<https://calendly.com/bdcripas> atau dengan mengimbas kod QR di bawah ini



KEMPEN MALAM



MINDA PEMBACA

Amalan bersedekah pembuka pintu rezeki

SEDEKAH menjadi antara amalan yang paling berat dilakukan, khususnya manusia yang tidak suka berkongsi harta dengan orang lain. Namun, orang beriman yang memahami konsep sedekah itu akan meyakini ia amalan terpuji, yang bukan hanya mampu menyucikan diri dan harta, bahkan pahalanya berkekalan hingga ke hari pembalasan.

Pada umumnya, bersedekah ialah amalan sunat yang banyak disebut dalam Islam. Ia pemberian ikhlas yang sebenarnya menandakan tahap keimanan seseorang, selain bukti ketakwaan kepada Allah Subhanahu Wata'ala. Bersedekah juga disebutkan

dalam Al-Quran, di mana dalam firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah An-Nisa, ayat 114 yang bermaksud : "Tidak ada kebaikan pada kebanyakan bisikan-bisikan mereka, kecuali dari bisikan-bisikan orang yang menyuruh (manusia) memberi sedekah atau berbuat kebaikan atau mengadakan perdamaian di antara manusia. Dan barang siapa yang berbuat demikian kerana mencari keredaan Subhanahu Wata'ala, maka kami akan memberinya pahala yang besar".

Antara janji-janji Allah kepada golongan yang suka bersedekah di dalam kehidupan mereka iaitu pertama,

harta orang yang rajin bersedekah tidak akan berkurang meskipun disedekahkan semuanya, hanya sedikit yang tersisa buat keperluan sehari-hari. Di mana Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda : "Harta tidak akan berkurang dengan bersedekah. Dan seorang hamba yang pemaaf pasti akan Allah tambahkan kebaikan baginya." (Hadis Riwayat Muslim).

Kedua, bagi orang yang rajin bersedekah adalah sedekah itu dapat menghapuskan dosa orang yang mengjerjakannya. Di mana Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda : "Sedekah dapat menghapus dosa sebagaimana air memadamkan api." (Hadis Riwayat Tirmidzi). Antaranya

lagi, dapat membebaskannya dari seksa kubur dan dijauhkan dari api neraka.

Selain itu, sesiapa yang mengamalkan bersedekah sudah pasti akan mendapat lipatan ganjaran pahala. Ingatlah, setiap amalan baik yang dilakukan dengan ikhlas tanpa rasa takbir dan menunjuk-nunjuk akan dianjarkan dengan pahala oleh Subhanahu Wata'ala. Tidak sesekali kita rugi sekiranya memberi dan membantu orang lain dengan hak dan barangkit kita.

Nama : Md. Safwan bin Abd. Rahman
No. K/P : 01-132102 (K)

Serlahkan kreativiti penulisan awda dengan menyertai ruangan ini :

TAJUK-TAJUK MINDA PEMBACA :

- 'Rebutlah Ganjaran Menyemarakkan Ramadan'. Tarikh Tutup : 29 April 2020
- 'Utamakan Membaca Al-Quran Setiap Hari'. Tarikh Tutup : 6 Mei 2020
- 'Badan Sihat, Minda Cerdas'. Tarikh Tutup : 13 Mei 2020

Termasuk Syarat :

- Penyertaan dibuka kepada orang ramai yang berusia lingkungan **15 hingga 40 tahun**, yang terdiri daripada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam kecuali warga Jabatan Penerangan.
- Pendapat awda hendaklah ditarik jarak **langkah dua baris** dan panjang pendapat awda mestilah antara **200 hingga 300** patah perkataan.

- Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap dan nombor telefon hendaklah disertakan dan dihantar kepada :

SIDANG PENGARANG MINDA PEMBACA
Bahagian PELITA BRUNEI, Jabatan Penerangan
Lapangan Terbang Lama, Berakas
Bandar Seri Begawan, BB3510
Negara Brunei Darussalam.
atau melalui
E-mel : pelita.brunei@information.gov.bn

**Menangi
BND75
SETIAP MINGGU**

Tunggu apa lagi ... Hantarkan pendapat awda sekarang



PENGIKLANAN JAWATAN KOSONG DI LUAR BIDANG KUASA SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM

PERATURAN 7(a)

IKLAN ADALAH DIBUKAKAN KEPADA ORANG RAMAI DAN PEGAWAI-PEGAWAI DAN KAKITANGAN YANG SEDANG BERKHIDMAT DENGAN PERKHIDMATAN AWAM NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

TARIKH IKLAN : 29 APRIL 2020. TARIKH TUTUP PERMOHONAN : 13 MEI 2020. BILANGAN IKLAN : 30 / 04 / 20 (SPA / BIKL)

PERATURAN 7 (a) - LUAR BIDANG KUASA SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM

Syarat-Syarat Am :

- a) PEMOHON terdiri daripada Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- b) Pemohon mempunyai pengetahuan kersmian agama Islam, adat istiadat, kebudayaan, perkembangan sosial, ekonomi dan politik Negara Brunei Darussalam.
- c) Bersedia untuk bertugas pada bila-bila masa di luar waktu bekerja biasa atau bekerja secara bergilir-gilir (*shift*) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana daerah di negara ini.
- d) Bagi pemohon yang terdiri daripada Pegawai-Pegawai Kerajaan hendaklah mempunyai tahap penilaian prestasi sekurang-kurangnya SANGAT BAIK bagi tempoh tiga (03) tahun kebelakangan.
- e) Cara permohonan - Rujuk di ruang PEMBERITAHUAN.

**IMAM TINGKAT I
JABATAN HAL EHWAL MASJID
KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA
B.2 EB.3 (BND2,270.00 - BND4,240.00 SEBULAN)
KEKOSONGAN = SATU (01)**

KELAYAKAN MINIMUM :

1. Ijazah Sarjana Muda dalam bidang Pengajian Islam : Al-Quran / Bahasa Arab / Syariah / Usuluddin atau dalam bidang bersesuaian.

Mempunyai kelulusan yang lebih tinggi adalah kelebihan.

2. Hafaz surah-surah lazim dan Surah pilihan seperti berikut :

- Surah As-Sajadah
- Surah Al-Insan
- Surah Al-Munaqiqun
- Surah Al-Jumah
- Surah Yaasin
- Surah Al-Mulk

3. Mahir dalam bidang-bidang berikut :

- i) Membaca dan menulis jawi.
- ii) Membaca Al-Quran secara bertajwid dan bertartil dengan suara yang baik.
- iii) Membaca tahlil dan doa tahlil.
- iv) Membaca Doa Allah Peliharakan Sultan dan Negara serta doa-doa pilihan.

- v) Menyampaikan khutbah.
 - vi) Menyempurnakan jenazah.
 - vii) Mengetahui hukum-hukum khasnya dalam perkara-perkara bersuci, sembahyang, zakat, puasa dan haji.
 - viii) Mengetahui hukum-hukum nikah kahwin.
 - ix) Berdiskir dan berzanji.
 - x) Menyampaikan kuliah dan ceramah.
4. Mempunyai rekod perkhidmatan yang baik, bersih dari tapisan keselamatan dan tidak pernah dijatuhan hukuman oleh Mahkamah Sivil dan Mahkamah Syariah.
5. Hafaz 10 juzuk Al-Quran dan diiktiraf oleh Lembaga Tasmie Tertinggi Menghafaz Al-Quran Negara Brunei Darussalam adalah kelebihan.

TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB :

- Menjadi Ketua Imam di masjid tempatnya bertugas.
- Mengetuai pentadbiran masjid dari segi pentadbiran dan kewangan pemeliharaan

NOTA :
Iklan adalah dibukakan kepada orang ramai dan pegawai-pegawai dan kakitangan yang sedang berkhidmat dengan Perkhidmatan Awam Negara Brunei Darussalam.

Tarikh Iklan :
29 APRIL 2020

Tarikh Tutup :
13 MEI 2020

Tempat menghantar Borang Permohonan :
**SEKSYEN PENGAMBILAN
DAN KEANGGOTAAN
TINGKAT 3
BANGUNAN KEMENTERIAN
HAL EHWAL UGAMA
JALAN DEWAN MAJLIS, BB3910
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.**

Bagi keterangan lanjut, sila rujuk Surat Pemberitahuan Pejabat Suruhanjaya Perkhidmatan Awam.

bangunan dan pentakmiran masjid.

- Menjadi Pengurus dalam senarai Ahli Jawatankuasa Takmir Masjid.
- Bertanggungjawab meneliti dan mengesahkan pernyata kewangan masjid.
- Bertanggungjawab merancang dan melaksanakan program takmir masjid mengikut rancangan kerja tahunan takmir masjid yang telah disusun.
- Bertanggungjawab bagi memastikan kebersihan dan kecantikan dalam dan luar bangunan masjid serta kawasannya.
- Bertanggungjawab bagi memastikan keselamatan bangunan masjid sentiasa dalam keadaan terpelihara dan baik termasuk harta benda masjid dan melaporkan kerosakan dengan serta merta kepada Pengarah Hal Ehwal Masjid atau Ketua Bahagian Bangunan dan Pemeliharaan, Kementerian Hal Ehwal Ugama.

PEMBERITAHUAN :

1. Penggunaan Borang SPA/1
a. Semua permohonan hendaklah dengan mengisikan borang SPA/1.

b. Borang SPA/1 boleh didapat di laman sesawang Pejabat Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (www.spa.gov.bn) klik 'Muat Turun' kemudian pilih Borang SPA/1 dan dikembalikan ke tempat penghantaran borang permohonan yang disebutkan bersama-sama dengan salinan sijil-sijil, surat-surat akuan yang lengkap dan diakui sah.

c. Sijil-sijil Akademik asal (asli) hendaklah dibawa semasa menghadapkan permohonan borang SPA/1 untuk pengesahan.

d. Pemohon hendaklah menyertakan satu keping gambar terkini berukuran pasport.

2. Semua kelulusan, sijil-sijil kecekapan, peperiksaan yang dikendalikan oleh badan-badan profesional yang dihadapkan bersama borang permohonan hendaklah diiktiraf oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam (selepas ini dipanggil **Kerajaan**).

3. Permohonan yang lewat **tidak akan dilayan**.

8. Bertanggungjawab memberikan kuliah / ceramah seminggu sekali (Imam Mu'alim).

9. Memeduli suka duka jemaah / masyarakat di mukim masjid tempatnya bertugas seperti menyempurnakan jenazah, akad nikah dan lain-lain.

10. Melaksanakan tugas-tugas dan tanggung-jawab mengikut arahan dan peraturan yang telah ditetapkan seperti mana yang terkandung dalam Buku Panduan Kerja Pegawai-Pegawai Masjid 1996.

11. Menerima arahan daripada Pengarah Hal Ehwal Masjid dari semasa ke semasa.



KEMENTERIAN KESIHATAN



PEMBERITAHUAN TAWARAN KEMENTERIAN KESIHATAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

BILANGAN TAWARAN : KK / 344 / 2019 / 2020 / PPN(TC)

KETERANGAN :
SUPPLY AND DELIVERY OF LOCAL ANAESTHETIC CARTRIDGES FOR DENTAL USE FOR NATIONAL DENTAL CENTRE BERAKAS FOR A PERIOD OF THREE (3) YEARS

**YURAN TAWARAN :
BND30.00**

**BILANGAN TAWARAN :
KK / 345 / 2019 / 2020 / JPK(TC)**

**KETERANGAN :
DOMESTIC WASTE COLLECTION AND DISPOSAL SERVICES FOR HEALTH CENTRE AND CLINICS FOR THE BRUNEI-MUARA DISTRICT FOR A PERIOD OF THREE (3) YEARS**

**YURAN TAWARAN :
BND10.00**

**BILANGAN TAWARAN :
KK / 346 / 2019 / 2020 / SSBH(TC)**

**KETERANGAN :
DOMESTIC WASTE COLLECTION AND DISPOSAL SERVICES FOR SURI SERI BEGAWAN HOSPITAL (SSBH) KUALA BELAIT FOR A PERIOD OF THREE (3) YEARS**

**YURAN TAWARAN :
BND10.00**

**TARIKH TUTUP :
12 MEI 2020**

JABATAN KERJA RAYA
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN

**DIBUKAKAN KEPADA
PEMBORONG-PEMBORONG
YANG BERDAFTAR DI DALAM
KELAS : V SAHAJA
KATEGORI : [KA01]**

**TARIKH TUTUP TAWARAN PADA :
5 MEI 2020 (SELASA)
JAM 2.00 PETANG**

**BILANGAN :
JKR / DOR / SRM 14 / 2020**

**NAMA PROJEK :
MENAIK TARAF SISTEM
SALIRAN LONGKANG DEPAN
ISTANA NURUL IMAN**

**YURAN TAWARAN :
BND100.00
(TIDAK DIKEMBALIKAN)**

E - DOKUMEN : TIDAK ADA

**BILANGAN :
JKR / DOR / SRM 15 / 2020**

NAMA PROJEK :

**KERJA-KERJA MENAIK TINGGI
SEBAHAGIAN JALAN
DI SIMPANG 265-33
JALAN JERUDONG**

**YURAN TAWARAN :
BND50.00
(TIDAK DIKEMBALIKAN)**

**E - DOKUMEN :
TIDAK ADA**



JABATAN SEKOLAH-SEKOLAH
KEMENTERIAN PENDIDIKAN

BILANGAN SEBUT HARGA
KP / JSS / UPP / JKSH / SR (ELEK) /
01 / 2020-2021

KETERANGAN :
SEBUT HARGA UNTUK
MEMBEKAL, MENGHANTAR,
MEMASANG DAN
MENGUJI PERALATAN
'PHOTOCOPY MACHINE'
DAN 'DUPLICATING
MACHINE' UNTUK SEKOLAH
RENDAH KERAJAAN, JABATAN
SEKOLAH-SEKOLAH,
KEMENTERIAN PENDIDIKAN,
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
BAGI TAHUN KEWANGAN
2020 / 2021

BAYARAN YURAN / DOKUMEN
SEBUT HARGA :
BND5.00

[bayaran dokumen sebut harga
tidak dikembalikan]

BILANGAN SEBUT HARGA :
KP / JSS / UPP / JKSH / SM (ELEK) /
01 / 2020-2021

KETERANGAN :
SEBUT HARGA UNTUK
MEMBEKAL, MENGHANTAR,
MEMASANG DAN MENGUJI

PERALATAN 'PHOTOCOPY
MACHINE' DAN 'DUPLICATING
MACHINE' UNTUK PUSAT
TINGKATAN ENAM / MAKTAB /
SEKOLAH MENENGAH
KERAJAAN, JABATAN
SEKOLAH-SEKOLAH,
KEMENTERIAN PENDIDIKAN,
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
BAGI TAHUN KEWANGAN 2020 /
2021

TARIKH TUTUP :
RABU, 6 MEI 2020
TIDAK LEWAT JAM 10.00 PAGI



UNIVERSITI BRUNEI DARUSSALAM

BIL. TAWARAN :
UBD / E8 / 004 / 2020

KETERANGAN :
TAWARAN BAGI PENYEWAAN
UNIT-UNIT RUANG 'FOOD
COURT' DI BAWAH BANGUNAN
HAL EHWAL PELAJAR,
UNIVERSITI
BRUNEI DARUSSALAM
[BAGI TEMPOH 3 TAHUN]

BAYARAN DOKUMEN
DAN PENTADBIRAN :
BND10.00 (tidak dikembalikan)

TARIKH TUTUP TAWARAN :
SELASA, 12 MEI 2020
TIDAK LEWAT JAM 2.00 PETANG



JABATAN ALAM SEKITAR, TAMAN DAN REKREASI
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN

DIBUKAKAN KEPADA
PEMBORONG-PEMBORONG
YANG BERDAFTAR DI NEGARA
BRUNEI DARUSSALAM

Tarikh tutup pada :
2 Jun 2020, Selasa
sebelum jam 2.00 Petang.

JASTRE / BTR / T013 / 2020

PEMELIHARAAN LANDSKAP
DAN PENYELENGGARAAN
KEMUDAHAN DI TAMAN
REKREASI MINI PERAYAAN
KG. PARIT BAGI TEMPOH
DUA (2) TAHUN

NO. PROJEK :
JASTRE / BTR / T013 / 2020

KELAS II, III & IV

KATEGORI KPB12

JUMLAH YURAN TAWARAN :
BND30.00 (tidak dikembalikan)



MAHKAMAH PEGAWAI WARIS
TUTONG

jam 9.00 Pagi.

Orang-orang yang berhak di dalam harta pusaka si mati itu dikehendaki hadir dan menyaksikan perbicaraan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di atas.

Sesiapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kepada **MAHKAMAH PEGAWAI WARIS, TUTONG** sebelum tarikh yang tersebut di atas.

Tarikh : 20 April 2020.

(DK. NORAFIDAH
BINTI PG. HAJI BUNGSU)
b/p Tim. Pegawai Waris
Tutong
Negara Brunei Darussalam.



KEMENTERIAN PERTAHANAN

JUALAN SECARA SEBUT
HARGA BAGI 1 KAPAL
PANCHARAN KILAT
KEPUNYAAN ANGKATAN
BERSENJATA DIRAJA
BRUNEI
DAN
KEMENTERIAN
PERTAHANAN

TARIKH TUTUP :
RABU, 13 MEI 2020,
TIDAK LEWAT JAM 10.00 PAGI



JABATAN PENERBANGAN AWAM
KEMENTERIAN PENGANGKUTAN
DAN INFOKOMUNIKASI

TAWARAN ADALAH DIPELAWA
BAGI 'SUPPLY OF BATTERY FOR
ILS / VOR ANALYZER EVS 300
AND
UNINTERRUPTIBLE POWER
SUPPLY (UPS)'

Bilangan Sebut harga :
ATELS / 2020 / SH-04

Tarikh tutup tawaran :
Rabu, 13 Mei 2020



JABATAN PERCETAKAN NEGARA
JABATAN PERDANA MENTERI

TAWARAN PADA :
SELASA, 12 MEI 2020
JAM 2.00 PETANG



DI DALAM MAHKAMAH
PEGAWAI WARIS, TUTONG

SURAT KUASA PUSAKA NO. :
DE BONIS NON NO. 1 / 2020

KENYATAAN

BAHAWA permohonan kepada mahkamah ini telah diperbuat oleh **LIM KIAN AI** kerana minta Surat Kuasa pentadbir kepada harta pusaka yang dipunyai oleh **LIM AH LIAM @ LIM TECK EN** yang telah meninggal dunia di NEGARA BRUNEI DARUSSALAM dengan sebab, iaitu si pemohon ialah **ANAK** kepada si mati.

Oleh itu, kenyataan diberi bahawa permohonan ini akan didengarkan di dalam **MAHKAMAH TUTONG** pada **2 Mei 2020**,

jam 9.00 Pagi.

Orang-orang yang berhak di dalam harta pusaka si mati itu dikehendaki hadir dan menyaksikan perbicaraan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di atas.

Sesiapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kepada **MAHKAMAH PEGAWAI WARIS, TUTONG** sebelum tarikh yang tersebut di atas.

Tarikh : 20 April 2020.

(DK. NORAFIDAH
BINTI PG. HAJI BUNGSU)
b/p Tim. Pegawai Waris
Tutong
Negara Brunei Darussalam.



TAWARAN PEMBEKALAN
KERTAS 80 GSM WOODFREE
(WHITE) - SHEETFED KE
JABATAN PERCETAKAN
KERAJAAN, JABATAN
PERDANA MENTERI,
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

BILANGAN TAWARAN :
GP / KORP / STI / 2-2020 / 002

KETERANGAN BARANG :

1. WOODFREE
(WHITE) - SHEETFED
TEBAL : 80 GSM
- UKURAN : 635 mm X 902 mm
- PEMBUNGKUSAN :
500 KEPING / REAM
- KUANTITI : 5,000 REAMS

TARIKH TUTUP MENGHANTAR


**JABATAN PENGANGKUTAN DARAT
KEMENTERIAN PENGANGKUTAN DAN INFOKOMUNIKASI**
**KENYATAAN TAWARAN
JABATAN PENGANGKUTAN
DARAT
KEMENTERIAN
PENGANGKUTAN DAN
INFOKOMUNIKASI
NEGARA BRUNEI
DARUSSALAM**

TAWARAN adalah dipelawa daripada orang ramai untuk menghadapkan Tawaran-Tawaran Tertutup bagi Tanda Pengenalan (Bilangan Pendaftaran) berikut :

1. Tawaran Tertutup Semula Bagi Tanda Pengenalan Kenderaan Satu dan Dua Angka Siri BAT [Senarai dilampirkan];

2. Tawaran Tertutup Semula Bagi Tanda Pengenalan Kenderaan Satu dan Dua Angka Siri BAU [Senarai dilampirkan];

3. Tawaran Tertutup Bagi Tanda Pengenalan Kenderaan Siri BAV 1 hingga 99 [Senarai dilampirkan]; dan

4. Tawaran Tertutup Bagi Tanda Pengenalan Kenderaan Siri BAW 1 hingga 99 [Senarai dilampirkan].

Tawaran diterima bermula dari **Rabu, 15 April 2020** dan tarikh tutup pada **Sabtu, 30 Mei 2020, jam 11.00 Pagi.**

**PERATURAN DAN SYARAT-
SYARAT TAWARAN :**

1. Tawaran hendaklah dibuat dalam **Borang Tawaran Tertutup Tanda Pengenalan Kenderaan (Bilangan Pendaftaran) TPK1**. Orang ramai adalah diperingatkan untuk mengisikan butir-butir yang tertera di dalam borang ini dengan maklumat yang betul dan diperakui sah.

2. Borang yang telah lengkap diisikan hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat yang tertutup berukuran 4" x 9" dengan menyertakan bersama salinan Kad Pengenalan Pintar Pemohon, salinan Lesen Memandu Pemohon serta resit asal Bayaran Perkhidmatan sebanyak

BND25.00 [jika tidak membayar melalui BIBD Online Bill Payment (OBP)] bagi setiap Tanda Pengenalan.

3. Sampul surat hendaklah ditandakan dengan perkataan '**TAWARAN TERTUTUP TANDA PENGENALAN KENDERAAN**' di bahagian atas kiri sampul surat.

4. Jabatan Pengangkutan Darat (JPD) berhak untuk tidak menerima dan membatalkan mana-mana borang yang tidak lengkap dan lewat diterima. Bayaran perkhidmatan sebanyak BND25.00 tidak akan dikembalikan sama ada tawaran berjaya ataupun sebaliknya.

5. **Merujuk Siaran Akhbar JPD keluaran 9 April 2020** mengenai penutupan semua kaunter-kaunter perkhidmatan JPD dan beberapa perubahan terhadap perkhidmatan JPD **bermula Isnin, 13 April 2020** :

i. Borang TPK1 boleh didapati dengan memuat turun borang tersebut dari laman sesawang JPD iaitu www.mtic.gov.bn/ltd.

ii. Penghantaran sampul surat yang berisi borang dan dokumen-dokumen yang dinyatakan di para 2 di atas adalah melalui kaedah pandu lalu (*drive through*) sama ada di Ibu Pejabat JPD, Beribi, Jalan Gadong atau di Cawangan JPD Kuala Belait sebelum tarikh dan waktu tutup tawaran.

iii. Pembayaran Bayaran Perkhidmatan sebanyak BND25.00 boleh dibuat melalui salah satu kaedah berikut :

a) Secara Pandu Lalu (*drive through*) semasa penghantaran sampul surat seperti diterangkan di para 5(ii) di atas; atau

b) Melalui BIBD Online Bill Payment (OBP) melalui aplikasi BIBD Online dengan mengikuti tatacara berikut :

Payment Service / Donation --- Pay Bill / Make Donation --- All Payees --- Select JPD (CAJ PERKHIDMATAN) dan sila masukkan keterangan selanjutnya seperti berikut :

Bill / Reference No.1 : Taip nombor Kad Pengenalan Pintar Pemohon atau

Nombor Sijil Syarikat

Bill / Reference No.2 : Taip Nama Pemohon atau Nama Syarikat

Bill / Reference No.3 : Taip rujukan borang diikuti dengan siri dan nombor yang ditender.

Contoh : TPK1BAY99

iv. Pembayaran perlu dibuat sebelum tarikh dan waktu tutup tawaran.

6. Harga tawaran bagi setiap Tanda Pengenalan adalah seperti berikut :

i. Kategori Khas : Bagi Tanda Pengenalan satu (1) angka untuk ditawarkan pada harga minima tidak kurang BND5,000.00; dan

ii. Kategori Emas : Bagi Tanda Pengenalan dua (2) angka untuk ditawarkan harga minima tidak kurang BND2,000.00.

7. Penender berjaya hendaklah meluaskan keseluruhan harga tawaran dan mendaftarkan Tanda Pengenalan yang ditawarkan di atas nama penender sendiri tidak lewat dalam tempoh satu (1) bulan dari tarikh Surat Pemberitahuan Tawaran Berjaya Jabatan ini sekurang-kurangnya dua (2) minggu sebelum tarikh mansuh surat Pemberitahuan Tawaran Berjaya Jabatan ini atau sebelum mansuh tarikh Kebenaran melanjutkan tempoh mendaftar Tanda Pengenalan.

8. Tanda Pengenalan yang dimenangi boleh didaftarkan pada bila-bila masa bermula daripada tempoh surat ini dengan syarat-syarat seperti berikut :

i. Penender berjaya perlu melunaskan keseluruhan harga tawaran dalam tempoh yang dinyatakan di para 7 di atas sebelum boleh menghadapkan permohonan untuk melanjutkan tempoh kebenaran mendaftar Tanda Pengenalan;

ii. Sebarang permohonan untuk melanjutkan tempoh kebenaran mendaftar Tanda Pengenalan kemudiannya perlu dihadapkan dalam tempoh satu (1) bulan dari tarikh Surat Pemberitahuan Tawaran Berjaya Jabatan ini dikeluarkan;

iii. Kebenaran melanjutkan tempoh mendaftar Tanda Pengenalan yang akan diberikan adalah bagi tempoh tiga (3) tahun sahaja;

iv. Pemohon akan dikenakan bayaran (*holding fee*) sebanyak BND60.00 dan wang bayaran ini tidak akan dikembalikan; dan

v. Sekiranya Tanda Pengenalan masih tidak didaftarkan selepas tempoh tiga (3) tahun, jabatan ini berhak menarik balik kebenaran memiliki Tanda Pengenalan dengan segala bayaran tidak akan dikembalikan.

9. Tanda Pengenalan yang sudah dibayar sama ada sudah atau belum didaftarkan (tertakluk juga kepada tempoh yang dinyatakan di para 7 dan 8 di atas) boleh diserahkan kepada sesiapa sahaja dengan dikenakan Bayaran Perkhidmatan BND5.00 sahaja. Sebarang permohonan untuk menyerahkan / menukar milik Tanda Pengenalan yang belum didaftarkan hendaklah dihadapkan ke Jabatan ini sekurang-kurangnya dua (2) minggu sebelum tarikh mansuh surat Pemberitahuan Tawaran Berjaya Jabatan ini atau sebelum mansuh tarikh Kebenaran melanjutkan tempoh mendaftar Tanda Pengenalan.

10. Jika Penender yang berjaya gagal melunaskan pembayaran atau / dan mendaftarkan Tanda Pengenalan yang telah ditawarkan mengikut syarat-syarat dan tempoh yang telah ditetapkan seperti di para 7 dan 8 di atas, maka jabatan ini berhak untuk menarik balik Tanda Pengenalan berkenaan dan akan ditawarkan semula kepada orang ramai. Sebarang wang pembayaran yang telah dilunaskan TIDAK akan dikembalikan.

11. JPD berhak membatalkan permohonan dari Penender yang mempunyai 3 atau lebih tanda pengenalan yang belum dibayar atau / dan berdaftar.

12. JPD berhak pada bila-bila masa, membatalkan atau mengubah mana-mana bahagian terma dan persyaratan di atas.

13. Syarat-syarat yang telah dinyatakan di atas adalah berpadu kepada Road Traffic (Identification Marks) Regulations, 2008 dan dasar-dasar yang berjalan pada masa ini.

Untuk sebarang pertanyaan lanjut, sila hubungi :

i. Talian Darussalam (TD) di TD 123 atau e-mel kepada info@123.com.bn; atau

ii. JPD di talian +673 2451979 / 81 / 82 pada waktu pejabat atau e-mel kepada info_ltd@land-transport.gov.bn.

TAWARAN TERTUTUP SEMULA BAGI TANDA PENGENALAN KENDERAAN SATU DAN DUA ANGKA SIRI BAT

BAT 1	BAT 5	BAT 21	BAT 30	BAT 43	BAT 59	BAT 72	BAT 85	BAT 97
BAT 2	BAT 8	BAT 28	BAT 31	BAT 47	BAT 60	BAT 76	BAT 93	
BAT 4	BAT 12	BAT 29	BAT 34	BAT 56	BAT 64	BAT 78	BAT 94	

TAWARAN TERTUTUP SEMULA BAGI TANDA PENGENALAN KENDERAAN SATU DAN DUA ANGKA SIRI BAU

BAU 1	BAU 12	BAU 28	BAU 34	BAU 47	BAU 57	BAU 73	BAU 81	BAU 96
BAU 2	BAU 19	BAU 29	BAU 42	BAU 53	BAU 59	BAU 75	BAU 89	BAU 97
BAU 5	BAU 24	BAU 30	BAU 43	BAU 54	BAU 60	BAU 76	BAU 91	
BAU 8	BAU 26	BAU 31	BAU 46	BAU 56	BAU 71	BAU 80	BAU 94	

TAWARAN TERTUTUP BAGI TANDA PENGENALAN KENDERAAN SIRI BAV 1 HINGGA 99

BAV 1	BAV 12	BAV 23	BAV 34	BAV 45	BAV 56	BAV 67	BAV 78	BAV 89
BAV 2	BAV 13	BAV 24	BAV 35	BAV 46	BAV 57	BAV 68	BAV 79	BAV 90
BAV 3	BAV 14	BAV 25	BAV 36	BAV 47	BAV 58	BAV 69	BAV 80	BAV 91
BAV 4	BAV 15	BAV 26	BAV 37	BAV 48	BAV 59	BAV 70	BAV 81	BAV 92
BAV 5	BAV 16	BAV 27	BAV 38	BAV 49	BAV 60	BAV 71	BAV 82	BAV 93
BAV 6	BAV 17	BAV 28	BAV 39	BAV 50	BAV 61	BAV 72	BAV 83	BAV 94
BAV 7	BAV 18	BAV 29	BAV 40	BAV 51	BAV 62	BAV 73	BAV 84	BAV 95
BAV 8	BAV 19	BAV 30	BAV 41	BAV 52	BAV 63	BAV 74	BAV 85	BAV 96
BAV 9	BAV 20	BAV 31	BAV 42	BAV 53	BAV 64	BAV 75	BAV 86	BAV 97
BAV 10	BAV 21	BAV 32	BAV 43	BAV 54	BAV 65	BAV 76	BAV 87	BAV 98
BAV 11	BAV 22	BAV 33	BAV 44	BAV 55	BAV 66	BAV 77	BAV 88	BAV 99

TAWARAN TERTUTUP BAGI TANDA PENGENALAN KENDERAAN SIRI BAW 1 HINGGA 99

BAW 1	BAW 12	BAW 23	BAW 34	BAW 45	BAW 56	BAW 67	BAW 78	BAW 89
BAW 2	BAW 13	BAW 24	BAW 35	BAW 46	BAW 57	BAW 68	BAW 79	BAW 90
BAW 3	BAW 14	BAW 25	BAW 36	BAW 47	BAW 58	BAW 69	BAW 80	BAW 91
BAW 4	BAW 15	BAW 26	BAW 37	BAW 48	BAW 49	BAW 70	BAW 81	BAW 92
BAW 5	BAW 16	BAW 27	BAW 38	BAW 50	BAW 51	BAW 71	BAW 82	BAW 93
BAW 6	BAW 17	BAW 28	BAW 39	BAW 52	BAW 53	BAW 60	BAW 72	BAW 83
BAW 7	BAW 18	BAW 29	BAW 40	BAW 54	BAW 55	BAW 61	BAW 73	BAW 84
BAW 8	BAW 19							

Mahasiswa Thailand, Malaysia UNISSA terima sumbangan Ramadan



DUTA Besar Istimewa dan Mutlak Thailand ke Negara Brunei Darussalam, Puan Yang Terutama Wanthanee Viputwongsakul (dua, kiri) menyampaikan sumbangan kepada mahasiswa Thailand di Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA).

Siaran Akbar dan Foto : Universiti Islam Sultan Sharif Ali

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 27 April. - Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) menerima kunjungan Duta Besar Istimewa dan Mutlak Thailand ke Negara Brunei Darussalam, Puan Yang Terutama Wanthanee Viputwongsakul.

Tujuan kunjungan adalah untuk memantau perkembangan pembelajaran, seterusnya menyampaikan sumbangan barang-barang keperluan kepada mahasiswa-mahasiswa Thailand

yang mengikuti pengajian di UNISSA.

Di samping itu, untuk memberikan sokongan moral kepada mahasiswa Thailand agar tidak berasa cemas dengan pandemik jangkitan wabak COVID-19 dan lebih menumpukan perhatian kepada peperiksaan yang dihadapi.

Seramai 34 mahasiswa Thailand berada di UNISSA dan tidak berkesempatan untuk pulang ke tanah air pada bulan Ramadan

bulan puasa, amalan ketika bersahur, iaitu sekurang-kurangnya setengah jam sebelum masuk waktu Imsak, kita boleh mengambil makanan yang berasaskan karbohidrat, seperti nasi, roti atau oat.

Selain itu, pengambilan protein juga turut disarankan kerana ia melambatkan proses pencernaan, seperti soya, ayam, daging dan ikan, namun kita perlu mengelakkan mengambil minuman yang mengandungi kafein, seperti teh atau kopi yang boleh mengakibatkan kehilangan air dalam badan.

Sementara itu, amalan sewaktu berbuka puasa pula, kita digalakkan mengambil makanan ringkas terlebih dahulu bagi mengelakkan ketidakselesaan kepada perut dan sistem penghadaman.

Mulakan berbuka puasa dengan memakan buah kurma dan minum air atau susu, ini kerana mengikut kajian, buah kurma mengandungi fruktosa yang boleh memberi tenaga segera, selain turut mengandungi enzim dalam membantu proses penghadaman makanan seterusnya.

Kemudian amalkan minum banyak air bagi mengelak

tahun ini disebabkan oleh ancaman pandemik COVID-19.

Sebelum itu, pihak Pesuruhjaya Tinggi Malaysia di Negara Brunei Darussalam juga turut menyerahkan sumbangan berupa makanan keperluan kepada seramai sembilan mahasiswa Malaysia yang mengikuti pengajian di UNISSA.

Sumbangan tersebut disampaikan oleh Timbalan Pesuruhjaya Tinggi Malaysia ke Negara Brunei Darussalam yang juga merangkap Penasihat Kedutaan dan Ketua Canseri, Puan Nadia Azura Mohd.Nudri.

Pihak UNISSA amat berterima kasih kepada pihak Kedutaan Thailand dan Pesuruhjaya Tinggi Malaysia atas keprihatinan juga sokongan moral terhadap warga negara masing-masing.

Dalam masa yang sama, UNISSA memberikan jaminan terhadap kesejahteraan dan kebaikan mahasiswa antarabangsa yang mengikuti pengajian di UNISSA juga berharap pandemik COVID-19 ini bukan penghalang untuk mereka meneruskan pengajian, malah akan berasa selesa menyambut Ramadan di Negara Brunei Darussalam.

Kunjungan Puan Yang Terutama Wanthanee Viputwongsakul dan Puan Nadia Azura Mohd. Nudri disambut oleh pihak Pusat Perhubungan Awam dan Antarabangsa bersama Bahagian Hal Ehwal Pelajar UNISSA.

Utamakan makanan berkhasiat di bulan Ramadan

Oleh : Khartini Hamir

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 27 April. - Mengambil pelbagai jenis makanan dapat memastikan tubuh badan mendapat semua khasiat makanan yang diperlukan.

Manakala cara terbaik untuk memastikan keperluan makanan ahli keluarga dipenuhi adalah dengan mengambil pelbagai jenis makanan dan mengamalkan prinsip-prinsip pemakanan sihat, antaranya menggunakan piramid makanan sebagai panduan untuk memilih makanan sekeluarga.

Apa lagi ketika kita berada di bulan Ramadan, bulan yang penuh keberkatan ini, kita berpuasa penuh pada siang hari dan akan bersungkai (iftar) apabila masuk waktunya, oleh itu, kita disarankan untuk memikirkan nilai khasiat makanan yang diambil dan mengambil kira akan kesannya kepada kesihatan.

Makanan yang dipilih tidak hanya sedap, tetapi perlu berkhasiat dan memiliki semua nutrien yang diperlukan oleh tubuh badan bagi mengekalkan kecergasan kita ketika sehari berpuasa.

Antara amalan pemakanan sihat yang boleh diamalkan semasa

dihidrasi dan mengambil makanan berdasarkan piramid makanan yang disarankan juga seboleh-bolehnya kita tidak digalakkan mengambil makanan yang pedas ketika berbuka bagi mengelak ketidakselesaan kepada perut.

Makanan berkhasiat lain juga perlu, seperti membanyakkan pengambilan buah-buahan dan sayur-sayuran bagi membantu melancarkan proses penghadaman dan pencernaan dengan baik, sekali gus dapat menyihatkan usus dalam kita.

Di samping kuantiti, kualiti makanan juga perlu dititikberatkan, antaranya dengan mengikuti beberapa tip memilih makanan agar kita tetap kekal sihat dan cergas.

Antaranya dengan mengurangkan penggunaan lemak ketika mengoreng dan menumis; mengehadkan pengambilan makanan dan minuman yang tinggi kandungan gula; mengurangkan pengambilan garam; meningkatkan pengambilan buah-buahan dan sayur-sayuran bagi membekalkan vitamin, mineral juga serat; dan memperbanyak pengambilan air sekurang-kurangnya enam gelas sehari bagi mengelak dihidrasi juga mengekalkan imuniti dan sistem metabolisme badan.

JPP terima lebih 1,000 respons borang deklarasi

Siaran Akbar : Jabatan Perkhidmatan Pos

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 27 April. - Jabatan Perkhidmatan Pos (JPP), Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi (MTIC) ingin memaklumkan kepada orang ramai mengenai dengan status perkembangan pengambilan paket-paket kecil dan bungkus yang terdapat di PosLaju Limbang juga di PosLaju Miri.

Sehubungan itu, setakat ini, pihak JPP menerima lebih daripada 1,050 respons Borang Deklarasi Pengambilan Paket-paket Kecil dan Bungkus melalui e-mel sejak 20 April 2020.

Borang-borang tersebut sudah pun mula diproses bagi pengumpulan data-data untuk diserahkan kepada pihak Syarikat Pos Malaysia bagi proses selanjutnya.

Di samping itu, JPP ingin mengingatkan orang ramai yang belum mengisi Borang Deklarasi Pengambilan Paket-paket Kecil dan Bungkus melalui JPP supaya akan dapat melakukan dengan segeranya melalui laman sesawang www.post.gov.bn/parcel, iaitu tidak lewat 29 April 2020, jam 12.00 tengah hari.

Turut diperingatkan kepada orang ramai bahawa JPP hanya akan mengambil paket-paket kecil dan bungkus yang dialamatkan ke PosLaju Limbang dan PosLaju Miri. Ini juga tertakluk kepada ketepatan data-data yang diberikan oleh orang ramai.

Untuk sebarang pertanyaan, hubungi Pusat Perkhidmatan Pelanggan (CSC) menerusi talian +673 238 0481 atau +673 8711002 (WhatsApp) atau e-mel cscpost@post.gov.bn.

Akibat pembakaran terbuka, sebuah rumah terbakar

Siaran Akbar dan Foto : Jabatan Bomba dan Penyelamat

BERAKAS, Selasa, 28 April. - Sebuah rumah terbakar dalam kejadian yang berlaku di No. 127, Simpang 125, Jalan 11, Kampung Perpindahan Lambak Kanan pada malam Isnin, 27 April 2020, di sini.

Jabatan Bomba dan Penyelamat (JBP), Cawangan Operasi 'C', Daerah Brunei dan Muara menerima panggilan kecemasan pada 9.25 malam, di mana dua buah jentera dengan keramaian 12 anggota JBP bersama Penolong Pegawai Balai, Haji Wahab bin Wahid yang bergegas ke lokasi kejadian.

Sebaik anggota JBP tiba di lokasi kejadian, mereka mendapati sebuah rumah jenis satu tingkat yang diperbuat daripada konkrit yang beratapkan spandik yang berukuran 30 meter panjang dan 20 meter lebar, di mana didapati api besar membakar sebuah bilik tidur di bahagian tingkat atas, manakala dua buah bilik tidur yang lain terkena bidu-budu asap dan mengalami kerosakan akibat terkena air. Api juga turut merebak ke bahagian atas lantai melalui bilik stor bahagian bawah daripada pembakaran terbuka tanpa pengawasan.

Kebakaran juga turut memusnahkan keseluruhan dua buah kereta jenis Hyundai Tucson dan Mazda 2.


Dalam kejadian tersebut, anggota JBP bertindak memadamkan dengan mengeluarkan sembilan batang hos sebanyak dua aliran dan menggunakan *control dividing breeching*. Api dapat dikawal dalam masa empat minit.

Penca api dipercayai daripada pembakaran terbuka yang ditinggalkan.

Kerugian dianggarkan lebih kurang BND45,000 dan tiada sebarang kemalangan jiwa dilaporkan.

Turut terlibat di dalam memberikan bantuan semasa kejadian kebakaran tersebut ialah tiga anggota Pasukan Polis Diraja Brunei yang diketuai oleh Sarjan 3502 Azman bin Ajmain dan dua orang dari Jabatan Perkhidmatan Elektrik yang diketuai oleh Affendi bin Haji Latif.

Juga hadir di lokasi kejadian ialah Pegawai Pemerintah Cawangan Operasi 'C', SSFR Pengiran Azizul Rahman bin Pengiran Haji Yusop dan juga Stesen Komander Balai Bomba Lambak Kanan, ASFR Muhammad Saifuddin bin Abdulla serta Ketua Bahagian Penguatkuasa Undang-Undang dan Penyiasatan Keselamatan Kebakaran seramai enam orang yang diketuai oleh Pemangku SFR Dayangku Noor Faridahwati binti P.S.M Pengiran Anak Omar Alli.



DUA buah kendaraan turut musnah dalam kejadian kebakaran yang berlaku di No. 127, Simpang 125, Jalan 11, Kampung Perpindahan Lambak Kanan pada malam Isnin, 27 April 2020.



Gejala rasuah gugat integriti generasi muda

RASUAH merupakan gejala yang begitu sinonim dengan masyarakat kita pada hari ini dan menjadi buah mulut media massa. Media massa selalu menyiarakan pelbagai kes rasuah yang melibatkan pegawai berprofil tinggi sebagai bukti isu ini semakin berleluasa bak cendawan tumbuh selepas hujan.

Rasuah secara literalnya bermaksud wang atau hadiah yang diberikan kepada pihak lain untuk menyembunyikan sesuatu perkara atau untuk mendapat sesuatu dengan mudah dan cepat tetapi salah di sisi undang-undang negara. Senario ini amat menggemparkan kerana gejala rasuah akan mencemarkan nama baik negara kita. Persoalannya apakah punca yang menyebabkan gejala rasuah berlaku dan bagaimana kita patut menangani isu ini? Apa pendapat Biskita kali ini turut mendapatkan beberapa pandangan masyarakat mengenai gejala yang amat membimbangkan negara.

"Bagi pendapat saya, punca berlakunya rasuah dalam kalangan segelintir masyarakat mungkin kurangnya didikan agama dan moral. Semua agama di dunia menyeru perkara yang sama, iaitu mementingkan kebaikan dan melarang kemudaratian. Didikan agama dan moral merupakan pedoman dan panduan kita semasa menempuh belantara kehidupan. Namun demikian, seseorang yang tidak mempunyai iman yang kuat mudah terpengaruh dengan dunia yang mementingkan aspek kebendaan semata-mata. Mereka akan leka mengejar kekayaan dan mudah terjerumus ke dalam lembah kejahatan dengan mengambil rasuah untuk memenuhi fatamorgana diri sendiri. Individu sebegini sudah kehilangan prinsip asas dan disebabkan anutan agama dan moral yang kurang mantap akan menyebabkan seseorang melibatkan diri dalam gejala rasuah". - Andy Kho, Muara.

"Rasuah merupakan wabak sosial yang mestilah dibanteras hingga ke akar umbinya. Semua pihak tidak kira pangkat atau harta seharusnya menggembung tenaga dan berganding usaha untuk mengatasi gejala rasuah di negara kita. Jika setiap individu memainkan peranan dengan mengelakkan diri daripada mengambil rasuah, pastilah masalah ini dapat ditangani, tindakan saksama yang dikenakan terhadap pesalah rasuah tanpa mengira kedudukan juga dapat meningkatkan kepercayaan dan keyakinan rakyat. Lantas, negara kita dapat terus maju dan muncul sebagai negara kelas pertama di pentas dunia yang bebas daripada gejala rasuah". - Hajah Laila Haji Kahar, BSB.

"Rasuah merupakan satu tindakan pemerasan yang dilakukan oleh seseorang dengan tujuan untuk mendapatkan pertolongan dan faedah dirinya sendiri. Ini kerana apabila melalui prosedur-prosedur biasa, dia tidak akan memperoleh apa-apa yang dikehendakinya itu. Secara amnya rasuah bermakna kuasa yang telah diberikan kepada dirinya disalahgunakan dan bertindak untuk kebaikan diri sendiri dan bersikap 'pilih kasih' dalam tindakannya. Biasanya, rasuah dijadikan sebagai salah satu jalan pintas seseorang untuk mengecapi kehidupan mewah atau dengan erti kata lain mahu menjadi kaya dalam masa singkat.

Kebiasaannya orang yang melakukan budaya ini tidak memikirkan kesan buruk yang akan terjadi, sebaliknya mereka hanya memikirkan keuntungan kepada diri mereka. Sebagai umat Islam, keredaan dan keberkatan daripada Allah Subhanahu Wata'alai harus dititikberatkan dalam apa jua urusan. Islam sangat melarang umatnya daripada mengamalkan budaya ini. Seterusnya pendedahan awal tentang bahayanya gejala rasuah sejak dibangku sekolah lagi merupakan langkah yang bijak bagi menangani gejala rasuah. Generasi yang dididik agar membenci gejala rasuah ini akan lebih bersikap telus, jujur dan amanah semasa menjalankan tugas mereka.

Pendedahan awal tentang gejala rasuah ini boleh diterapkan dalam sukanan pelajaran di sekolah dalam mata pelajaran Pendidikan Islam, Pendidikan Moral, dan Pendidikan Sivik dan Kewarganegaraan. Kesimpulannya, semua lapisan masyarakat perlu berganding bahu bagi membanteras gejala rasuah ini agar imej negara bersih dari gejala rasuah. Hal ini juga akan menjadikan ekonomi negara kita bertambah maju tanpa rasuah".

- Mohd. Abdul Waffie bin Sallehuddin, Kota Batu.

"Bagi pandangan saya sebagai penulis ruangan ini, untuk menangani isu rasuah dari akar umbi, ibu bapa dan barisan pendidik memainkan peranan yang signifikan dalam menyemai nilai murni pada sanubari anak. Sejak usia muda, anak-anak perlu dididik tentang keburukan mengambil rasuah. Selain itu, ibu bapa perlu menjadi entiti mithali dan teladan baik dengan bersikap jujur dan menjauhi amalan rasuah. Hal ini disebabkan ibu bapa yang melakukan jenayah rasuah dan cuba menasihati anak-anak mereka untuk menjauhi gejala tersebut ibarat ketam mengajar anaknya berjalan betul."

Bahkan, di sekolah pula pengajaran pendidikan agama dan moral perlu diberikan tekanan. Sesungguhnya kerjasama ibu bapa dan barisan pendidik mampu melahirkan anak bangsa yang berpegang kuat pada prinsip mereka dan menjauhi amalan rasuah. Sistem kehakiman negara kita perlulah diperketat dan pesalah-pesalah rasuah mestilah ditahan, didakwa dan dihukum tanpa mengira kedudukan mereka.

Hukuman tegas perlu dijatuhkan pada pesalah rasuah sebagai amaran kepada orang lain agar tidak melakukan jenayah tersebut. Kesungguhan kerajaan dalam membawa pesalah rasuah ke muka pengadilan juga memberikan satu peringatan yang kekal terpahat pada sanubari mereka. Jelaslah bahawa tindakan tegas terhadap semua pengamal rasuah tanpa memilih bulu akan mendorong masyarakat kita supaya menjauhi jenayah tersebut.

Biskita dialu-alukan menyumbangkan pendapat biskita dengan dua tajuk di bawah, sama ada menggunakan nama sebenar atau nama pena.

Sila e-melkan pendapat biskita ke :
pelita.brunei@information.gov.bn

- i. Kesan Pencemaran Kepada Manusia, Alam Sekitar.
- ii. Kejayaan Negara Dalam Pelbagai Bidang.



baus loya atau mual apabila terhidu bau masakan dan lain-lain terutamanya ibu yang hamil pada peringkat awal atau orang sakit.

Contoh pemakaian kata : **baus** ia mencium bau lauk guring atu.

kalimpanan bermaksud termasuk debu, habuk, dan sebagainya ke dalam mata.

Contoh pemakaian kata : mirah jua matamu atu, kanapa ya, **kalimpanan**?

mangatam bermaksud menghatamkan atau menyelesaikan mengaji Al-Quran.

Contoh pemakaian kata : biasanya masa bulan puasa, banyak urang **mangatam** Al-Quran di masjid-masjid.

SUMBER : DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA, KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN



KAMPUNG UJONG JALAN



Foto : Hernie Suliana Haji Othman

SAMBAL GORENG HATI BUYAH

BAHAN-BAHANNYA :

- 500g hati buyah (rebus hingga masak)
- 1 sudu minyak makan
- Sedikit kicap manis
- Garam secukupnya
- Serbuk perasa secukupnya

Bahan-bahan kisar :

- 10 biji lada kering
- 10 biji bawang merah
- 4 ulas bawang putih
- Sedikit halia
- Lada hidup

CARA MEMBUATNYA :

Hati buyah dihiris nipis dan digaul dengan garam. Panaskan minyak dan tumiskan bahan-bahan yang sudah dikisar, kemudian masukkan hati buyah lalu masukkan kicap manis dan serbuk perasa secukupnya. Goreng hingga kering.

Dirikan puasa Ramadan dengan penuh keimanan dan pengharapan

(Dengan nama Allah, Segala puji bagi Allah, Selawat dan salam ke atas Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam, keluarga, sahabat dan para pengikut Baginda)

BULAN Ramadan adalah bulan yang ditunggu-tunggu oleh seluruh umat Islam. Bulan Ramadan merupakan bulan yang penuh kemuliaan, kenikmatan, rahmat dan keberkatan. Ia bulan yang menjadi medan dan musim ibadat. Malah setiap amal ibadat digandakan pahala dan ganjarannya. Bulan ini juga merupakan bulan pengampunan dan pembebasan daripada api neraka.

Apabila memperkatakan tentang bulan Ramadan, pastinya kita pernah mendengar sebuah hadis yang sangat masyhur mengenai kelebihan bulan Ramadan yang Allah Subhanahu Wata'ala menjanjikan pengampunan yang luas terhadap hamba-Nya yang menunaikan puasa Ramadan dengan penuh keimanan dan pengharapan.

Abu Hurairah Radiallahuanhu meriwayatkan bahawa Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda :

Maksudnya : "Barang siapa yang melakukan puasa Ramadan dengan penuh keimanan dan pengharapan, maka akan diampunkan dosanya yang telah lalu".

(Hadis riwayat al-Bukhari dan Muslim)

Apakah maksud melakukan puasa Ramadan dengan penuh keimanan dan pengharapan dalam hadis di atas dan dosa dari jenis apakah yang akan diampunkan bagi sesiapa yang mendirikan puasa dengan cara sedemikian?

Bagi memahami maksud hadis ini, berikut disebutkan beberapa pendapat ulama muktabar yang mensyarah hadis berkenaan.

(i) Maksud Melakukan Puasa Dengan Penuh Keimanan

Imam an-Nawawi Rahimahullah berkata :

Ertinya : "Makna keimanan ialah memperakui bahawa sesungguhnya ia (kefarduan puasa Ramadan) adalah benar; dengan niat untuk mendapatkan faidatnya".

Imam Ibnu Hajar al-'Asqalaani Rahimahullah pula berkata :

Ertinya : "Dan yang dimaksudkan dengan pengharapan ialah memohon ganjaran pahala daripada Allah Ta'ala".

Imam al-Khatthabi Rahimahullah pula menyatakan maksud pengharapan dengan berkata :

Ertinya : "Pengharapan ialah tekad yang kuat (dalam melaksanakan puasa Ramadan), iaitu dia melaksanakan puasa atas dasar cinta akan ganjaran pahalanya, senang jiwanya ketika melakukan, tanpa rasa terbeban ketika melakukan puasanya dan tidak pula berasa jemu menjalani hari-harinya".

Manakala Imam al-Munawi Rahimahullah pula berkata :

Ertinya : "(Pengharapan) terhadap perintah Allah, semata-mata kerana menginginkan ganjaran atau mendapatkan faidhaan Allah, bukan atas dasar riak".

Dari itu, maksud pengharapan menerusi kata-kata ulama di atas adalah melakukan puasa Ramadan dengan ikhlas kerana Allah Subhanahu Wata'ala, bukan kerana riak atau menunjuk-nunjuk atau apa-apa niat yang lain, bahkan semata-mata bagi mengharapkan ganjaran daripada-Nya tanpa rasa berat atau terbeban dengan kewajipan tersebut.

berkata bahawa maksud keimanan itu adalah :

Ertinya : "Mempercayai ganjaran Allah atau (mempercayai) bahawa sesungguhnya ia (kefarduan puasa Ramadan) itu adalah benar".

Dari kata-kata ulama di atas, dapat difahami bahawa maksud keimanan itu adalah melaksanakan puasa Ramadan dalam keadaan yakin dan percaya bahawa pensyiaran wajib puasa Ramadan itu serta ganjarannya adalah sesuatu yang hak dan benar.

(ii) Maksud Melakukan Puasa Dengan Penuh Pengharapan

Adapun maksud pengharapan pula sepetimana pendapat para ulama ialah seperti berikut :

Imam an-Nawawi Rahimahullah berkata :

Ertinya : "Adapun makna pengharapan pula ialah menghendaki (ganjaran daripada) Allah Ta'ala semata-mata, bukan bermaksud supaya dilihat oleh manusia atau selainnya yang bertentangan dengan maksud ikhlas".

Menurut Imam Ibnu Hajar al-'Asqalaani Rahimahullah pula, dia berkata :

Ertinya : "Dan (yang dimaksudkan) dengan pengharapan ialah memohon ganjaran pahala daripada Allah Ta'ala".

Imam al-Khatthabi Rahimahullah pula menyatakan maksud pengharapan dengan berkata :

Ertinya : "Pengharapan ialah teknik yang kuat (dalam melaksanakan puasa Ramadan), iaitu dia melaksanakan puasa atas dasar cinta akan ganjaran pahalanya, senang jiwanya ketika melakukan, tanpa rasa terbeban ketika melakukan puasanya dan tidak pula berasa jemu menjalani hari-harinya".

Manakala Imam al-Munawi Rahimahullah pula berkata :

Ertinya : "(Pengharapan) terhadap perintah Allah, semata-mata kerana menginginkan ganjaran atau mendapatkan faidhaan Allah, bukan atas dasar riak".

Dari itu, maksud pengharapan menerusi kata-kata ulama di atas adalah melakukan puasa Ramadan dengan ikhlas kerana Allah Subhanahu Wata'ala, bukan kerana riak atau menunjuk-nunjuk atau apa-apa niat yang lain, bahkan semata-mata bagi mengharapkan ganjaran daripada-Nya tanpa rasa berat atau terbeban dengan kewajipan tersebut.

(iii) Dosa Dari Jenis Apakah Yang Akan Diberikan Pengampunan?

Adapun dosa yang diampunkan itu menurut pendapat jumhur ulama adalah dosa-dosa kecil, khusus yang berkait terhadap hak Allah Subhanahu Wata'ala. Manakala dosa-dosa besar pula tidak termasuk dalam pengampunan ini. Ini kerana dosa-dosa besar hanya akan diampunkan dengan cara taubat atau dengan pengampunan melalui rahmat Allah Subhanahu Wata'ala. Menurut Imam al-Qadhi Iyadh Rahimahullah, ini adalah pendapat Mazhab Ahli as-Sunnah Wal Jamaah.

Selain dosa-dosa besar, dosa-dosa terhadap orang lain juga tidak akan terampun walaupun dia melakukan puasa Ramadan dengan penuh keimanan dan pengharapan. Ini kerana dosa sesama anak Adam hanya dapat diselesaikan melalui kemaafan dan keredaan daripada pihak yang dizalimi atau disakiti itu.

Sekiranya dia tidak mempunyai dosa-dosa kecil pula, segala usaha dan kesungguhannya untuk mengerjakan puasa Ramadan dengan sebaik-baiknya itu tetap tidak akan menjadi sia-sia. Bahkan sebagai ganti, akan dituliskan baginya *hasanah* (kebajikan) dan diangkat darjatnya atau dia akan terpelihara daripada melakukan dosa-dosa kecil atau terpelihara daripada banyak melakukannya.

Manakala menurut Imam an-Nawawi Rahimahullah, sekiranya orang itu tidak mempunyai dosa kecil, akan tetapi mempunyai dosa besar, maka diharapkan dengan puasanya itu dosa besarnya akan diringankan.

Menurut Imam al-Munawi Rahimahullah, ganjaran pengampunan ini khusus bagi mereka yang menunaikan puasa Ramadan sebulan penuh sahaja. Sekiranya dia tidak menunaikan puasa Ramadan sebulan penuh, maka ini tertakluk kepada sebab dia meninggalkan puasa tersebut. Jika dia berbuka



IRSYAD HUKUM
جایات میت کل جان
جایات میت کل جان
Jabatan Mufti Kerajaan
Jabatan Perdana Menteri
Negara Brunei Darussalam

Website : www.mufti.gov.bn
E-mail : mufti@brunet.bn - fatwa@brunet.bn

puasa kerana keuzuran sedangkan dia mempunyai keazaman untuk berpuasa, maka dia juga akan termasuk dalam golongan yang dikurniakan pengampunan ini. Sebaliknya, mereka yang meninggalkan puasa tanpa keuzuran walaupun satu hari daripadanya, maka dia bukan dari golongan berkenaan.

Demikian penjelasan mengenai maksud menunaikan puasa Ramadan dengan penuh keimanan dan pengharapan serta penjelasan mengenai pengampunan yang akan dikurniakan bagi mereka yang melaksanakannya.

Bulan Ramadan hanya datang setahun sekali, dari itu lakukanlah puasa Ramadan dengan penuh keyakinan dan percaya akan kebenaran pensyiaran serta ganjarannya. Hadapilah segala cabaran dan dugaan puasa Ramadan dengan penuh redha, sabar dan ikhlas semata-mata kerana Allah Subhanahu Wata'ala bagi mengharapkan keredaan dan ganjaran daripada-Nya. Mudah-mudahan dengan yang demikian kita akan beroleh maghfirah dan segala kelebihan yang dijanjikan oleh Allah Subhanahu Wata'ala.

"SEKIRANYA dia tidak mempunyai dosa-dosa kecil pula, segala usaha dan kesungguhannya untuk mengerjakan puasa Ramadan dengan sebaik-baiknya itu tetap tidak akan menjadi sia-sia.

Bahkan sebagai ganti, akan dituliskan baginya 'hasanah' (kebajikan) dan diangkat darjatnya atau dia akan terpelihara daripada melakukan dosa-dosa kecil atau terpelihara daripada banyak melakukannya".

alasan yang telah dikemukakan tadi. Lagi pula, bulan Ramadan adalah bulan yang memiliki keutamaan yang lebih banyak berbanding dengan bulan-bulan yang lainnya.

Rasul kita Sallallahu Alaihi Wasallam, teladan terbaik bagi kita, Baginda adalah orang yang paling dermawan dan kedermawanan Baginda lebih terserlah lagi di bulan Ramadan sebagaimana hadis yang diriwayatkan oleh Imam Bukhari, diceritakan oleh Ibnu Abbas Radiallahuanhum, maksudnya :

"Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam adalah seorang yang paling dermawan dalam hal-hal kebaikan. Baginda lebih dermawan lagi pada bulan Ramadan. Sesungguhnya Malaikat Jibril Alaihissalam telah bertemu dengan Baginda setiap tahun pada bulan Ramadan sehingga berakhir Ramadan. Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam membaca Al-Quran di hadapannya. Apabila Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bertemu Malaikat Jibril, maka Baginda adalah orang yang paling dermawan dalam hal-hal kebaikan melebihi angin kencang yang diutuskan".



"Ambillah sebahagian daripada harta mereka sebagai sedekah (zakat) supaya engkunya engku bersihkan mereka (daripada dosa) dan mensucikan mereka".

(Surah at-Taubah : 103)

AMALAN infaq termasuklah ibadah zakat yang kita tunai di bulan Ramadan ini akan dapat membersihkan diri dan memperelokkan puasa kita daripada pencemaran dosa dan maksiat. Allah Subhanahu Wata'ala telah menjanjikan ganjaran yang besar kepada hamba-Nya yang berzakat dan bersedekah berbeza dengan bulan-bulan yang lain. Setiap amalan yang dilakukan dalam bulan Ramadan, sama ada ibadah wajib atau sunat akan dikurniakan Allah Subhanahu Wata'ala ganjaran pahala yang berganda-ganda, termasuklah memberi makan kepada orang yang hendak berbuka puasa. Hadis riwayat Imam al-Baihaqi daripada

Ali bahawa Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda yang bermaksud : "Mencurah datangnya rezeki dengan mengeluarkan zakat".

Dalam bulan Ramadan juga Allah Subhanahu Wata'ala telah mensyariatkan kepada kita dengan ibadah Zakat Fitrah yang diwajibkan ke atas setiap tubuh orang Islam tanpa kecuali. Zakat Fitrah difardukan bertujuan untuk membantu fakir dan miskin agar mereka dapat sama-sama bergembira dan menikmati makanan tatkala menyambut Hari Raya. Janganlah kita bakhil untuk meninfakkan sedikit harta kita di bulan Ramadan yang penuh dengan rahmat-Nya.

"Dan janganlah sekali-kali orang-orang yang bakhil dengan apa yang telah dikurniakan Allah kepada mereka daripada kurnia kemurahan-Nya (enggan mengeluarkan harta di jalan Allah dan tidak mau membayar zakat) menyangka bahawa kebakilan itu baik bagi mereka. Bahkan sebenarnya kebakilan itu adalah buruk bagi mereka. Mereka akan dikalungkan dengan apa yang mereka bakhikan itu pada Hari

Kiamat kelak".

Surah Ali-Imran : 180

Selain menunaikan Zakat Fitrah di bulan Ramadan, kita juga seharusnya bermurah hati dengan melakukan sedekah di bulan Ramadan yang penuh keberkatan ini. Hadis riwayat Imam at Tirmidzi daripada Anas yang memberitakan bahawa Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam pernah ditanya tentang sedekah apa yang paling utama. Lalu Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam menjawab : "Sedekah yang lain yang paling utama adalah sedekah yang diberikan pada bulan Ramadan kerana saat itu kaum fakir miskin sungguh-sungguh dalam keadaan lemah dan mengalami kesukaran mencari nafkah disebabkan mereka sedang berpuasa; juga kerana pada bulan puasa tersebut kebaikan memang akan dilipatgandakan oleh Allah". Ini tidak bererti sedekah di bulan-bulan lain sedikit pahalanya, sebab bersedekah itu pada dasarnya dianjurkan pada bila-bila masa dan di mana sahaja. Hanya, bersedekah di bulan puasa dipandang memiliki nilai tambah kerana

Berinfaq di bulan Ramadan

Kekuatan minda positif

Rencana dan Infografik : Sumbangan Bahagian Perkhidmatan Kaunseling, Jabatan Perkhidmatan Awam dengan kerjasama Seksyen Kandungan Khas, Bahagian Pelita Brunei

KETIKA ini musibah melanda seluruh dunia. Kita seperti dalam kemelut yang amat membebarkan. Tetapi di samping itu, pasti ada dalam kalangan kita, seseorang yang sering nampak ceria, waima apa jua kejadian atau keadaan sekalipun, tetap ia dengan semangatnya yang kental. Tidakkah terlintas pertanyaan bagaimana si dia boleh menghadapi hari-hari ini tanpa sedikit pun merubah sikapnya yang optimis. Bagaimanakah kita yang menjadi saksi kepada kecekallannya, boleh mengambil iktibar dan berasa sama seperti.

Sekiranya kita ambil contoh dua insan yang ditimpa musibah, reaksi yang diluahkan mungkin saja berbeza. Salah satu daripada mereka mungkin menangis teresak dan merasa susah untuk meneruskan fungsi hari - harinya, manakala yang satu pula hanya melepaskan nafas yang panjang dan tanpa susah meneruskan kehidupannya. Jika dipertikaikan, dari perspektif psikologi, memang setiap individu dilahirkan dengan keperibadian yang unik dan berlainan. Namun jika diteliti dengan lebih dalam lagi, reaksi yang diluahkan di antara mereka tatkala menghadapi musibah, lahir melalui proses minda yang berbeza.

Akal dan fikiran manusia adalah sangat kompleks dan menurut psikologi emosi, tidak tanduk ataupun tingkah laku seseorang individu dipengaruhi kandungan mindanya. Ini diakui seorang pemilik syarikat kenderaan yang berpengaruh Henry Ford (Ford Motor Company) yang berkata, "If you think you can or you think you can't you're right". Beliau mengatakan minda seseorang

boleh mempengaruhi hasil usahanya sendiri, jika ia percaya akan kejayaannya, maka berjayalah ia dan sebaliknya, jika ia merasa kegagalan maka gagallah ia.

Cuba bayangkan, apabila terbit pagi, kedua-dua mata perlahan terbuka dan terjaga kita dari lena. Belum lama menikmati pemandangan dengan panca indera, minda terus dipenuhi dengan pelbagai perkara yang tidak diingini dan hati terus resah memikirkan hari ini akan membawa banyak masalah. Keluhan panjang dihembuskan, dengan rasa berat, membangunkan diri dari tempat pembarangan. Tatkala berjalan, dengan minda yang penuh kekusutan menuju bilik mandi, jari kaki tersondol pada hujung katil. Aduh! Kesakitan yang amat menerkam tanpa disedari.

Salah siapa semua ini? Kaki katil? Kaki katil yang memang sudah dari awal tempatnya di sana? Atau mungkin salah si pasangan yang masih tidur nyenyak dipembaringannya? Salah sendiri sebenarnya. Kerana telah membiarkan pemikiran negatif memanifestasikan di dalam diri, sehingga tingkah laku mengikut kekusaman yang difikirkan. Ia juga merealisasikan jangkaan negatif yang ditanam di benak hati, bahawa hari ini akan membawa banyak masalah. Jangkaan yang menjadi kenyataan, dalam kata lain *self-fulfilling prophecy* adalah teori berkaitan dengan ekspektasi ke atas sesuatu perkara yang belum berlaku, tetapi kerana kepercayaan yang terlalu kuat ke atasnya membuatkan ia menjadi realiti, kerana tindakannya mencerminkan kepercayaan yang difikirkan sehingga ia benar-benar terjadi.

Menurut buku Dr. Norman Doidge

berjudul 'The Brain That Changes Itself' telah membuktikan bahawa cara kita berfikir boleh membentuk cara minda kita berfungsi. Minda sentiasa berkembang dan maklumat yang diterima oleh sel otak manusia diproses dengan cara yang berlainan dari semasa ke semasa. Jika kita melatih minda kita untuk menjana pemikiran positif secara berterusan dan melakukan perkara-perkara positif kehidupan kita akan bertukar menjadi lebih baik daripada hari sebelumnya.

Pada tahun 2003, seorang penyelidik di Amerika Syarikat, Dr. Sheldon Cohen dari Universiti Carnegie Mellon, telah membuat kajian ke atas impak pemikiran positif. Seramai 334 peserta yang sihat telah dilibatkan dalam kajian beliau. Setiap peserta kajian ditemu duga selama tiga minggu untuk mengenal pasti status emosi dan perasaan mereka. Temu duga tersebut bertujuan untuk menilai tahap kecenderungan kepada sikap-sikap positif dan negatif setiap peserta kajian. Setelah mengenal pasti kedudukan tahap emosi setiap peserta kajian, mereka pun didedahkan kepada Rhinovirus (virus penyebab penyakit flu yang tidak kronik).

Selang beberapa hari, didapati bahawa peserta kajian yang mempunyai tahap emosi yang lebih cenderung kepada fikiran negatif, tiga kali ganda lebih mudah dijangkiti Rhinovirus daripada peserta kajian yang dikenal pasti mempunyai tahap emosi yang lebih cenderung kepada fikiran positif. Dr. Sheldon Cohen berpendapat, hasil daripada kajian tersebut memberikan bukti pemikiran minda yang positif boleh meningkatkan sistem imuniti. Kuasa minda bukan saja dapat meningkatkan sistem imuniti diri daripada jangkitan dan virus, tetapi juga dipercayai boleh mempengaruhi tubuh untuk pulih dengan rawatan olok - olok seperti diberikan rawatan sebenar. Seperti yang didapati R. D. Holmes, A. K. Tiwari dan J. L. Kennedy (2016) di dalam artikel

mereka : 'Mechanisms of the placebo effect in pain and psychiatric disorders'.

Mereka mengkaji fenomena kesan plasebo. Kajian ke atas pesakit yang diberikan ubat (Plasebo) menyatakan kesan ubat (Plasebo) berkenaan efektif dalam mengurangkan kesakitan atau simptom yang ditanggung. Walaupun ubat (Plasebo) yang diberikan sebenarnya tidak memberikan kesan dalam melawan jangkitan atau menahan sakit. Jadi apa lagi yang ditunggu, kita hanya perlu untuk berfikiran positif bagi meningkatkan lagi tahap kesihatan kita. Mungkin pertanyaan seterusnya yang difikirkan ialah bagaimana kita boleh menjana minda yang lebih positif?

Elise L. Rice dan Barbara L. Fredrickson (2016) membuat kajian mengenai peningkatan dalam pemikiran positif melalui aktiviti-aktiviti yang disukai dan melaporkannya di dalam artikel bertajuk 'Of Passions and Positive Spontaneous Thoughts'. Seramai 402 sukarelawan menjadi peserta kajian, yang mana mereka diberikan tugas untuk mencatat reaksi ke atas rangsangan yang diberikan, sama ada aktiviti fizikal atau mental dan dibandingkan dengan catatan aktiviti yang diminati. Elise L. Rice dan Barbara L. Fredrickson (2016) mendapati pemikiran yang positif akan timbul secara automatik semasa menjalankan aktiviti-aktiviti yang disukai.

Mudah bukan? Hanya dengan melakukan aktiviti - aktiviti yang kita gemari, kita boleh meningkatkan kapasiti minda untuk lebih positif. Minda kita juga boleh diadaptasikan untuk lebih positif dengan kemahiran kita sendiri. Tetapi perlu juga ingat, kita tidak seharusnya mengetepikan sepenuhnya pemikiran negatif yang timbul daripada sifat kewaspadaan dalam diri kita. Seperti halnya apabila melindungi diri daripada melakukan kesilapan dan menghindari diri dari segala jenis bahaya.

TIP UNTUK POSITIF



Oleh : Bolhassan Haji Abu Bakar
Foto : Jabatan Penerangan



Buah kurma hidangan berkhasiat pelengkap berbuka puasa

BUAH kurma atau tamar sememangnya sangat digemari sebagai hidangan pelengkap untuk berbuka puasa di sepanjang bulan Ramadan berdasarkan khasiat yang tersembunyi pada buah tersebut menurut perspektif Islam dan perubatan.

Baginda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam menjadikan buah kurma sebagai makanan utama Baginda bersandarkan sabda yang antara lain bermaksud : "Rumah yang tiada tamar seperti rumah yang tidak mempunyai makanan". Maka di sini kita dapat lihat bahawa setiap makanan Sunnah Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam itu memiliki kelebihan dan rahsianya yang tersendiri untuk kebaikan dan kesihatan tubuh badan manusia.

Justeru itu, umat Islam adalah disunatkan untuk berbuka dengan buah kurma kerana bagi orang yang berpuasa tidak makan selama

12 jam, buah ini boleh memberi tenaga serta-merta kepada mereka yang berpuasa dan sekali gus memudahkan seseorang beribadat dan menunaikan sembahyang fardu dan Sembahyang Sunat Tarawih.

Menurut kajian, buah kurma sangat berkhasiat untuk dimakan sepanjang masa, antaranya untuk menguatkan memori yang mana ia mengandungi khasiat yang cukup untuk meningkatkan daya ingatan seseorang.

Buah kurma juga baik untuk ibu mengandung / berpantang seiptimana kisah tentang Maryam yang hanya makan buah kurma sewaktu melahirkan Nabi Isa. Jadi khasiat kurma memang tiada tandingannya. Menurut kajian, buah kurma bagus untuk wanita hamil kerana akan memudahkan proses bersalin, selain akan mengurangkan masalah pendarahan. Selain itu, kurma juga akan memberikan khasiat yang baik untuk anak damit di dalam kandungan.

Sebenarnya buah kurma juga boleh

mencegah masalah penyakit jantung. Awda hanya perlu merendam beberapa biji kurma semalam lalu ditumbuk dan dimakan pada keesokan paginya. Dengan cara ini, pasti akan dapat membantu menguatkan jantung awda. Kajian mendapati kurma juga kaya dengan sumber potassium, iaitu membantu mengurangkan risiko serangan strok.

Kandungan mineral yang tinggi di dalam kurma menjadikannya sumber yang baik untuk kekuatan tulang. Masalah penyakit

seperti Osteoporosis juga dapat dibendung dengan mengamalkan pengambilan buah kurma. Selain kaya dengan mineral, kurma juga mempunyai jumlah magnesium yang tinggi dan membantu pertumbuhan tulang.

Sementara itu, kandungan nikotin di dalam kurma sememangnya membantu menyelesaikan pelbagai masalah usus. Dengan pengambilan kurma secara konsisten, ia dapat membantu melegakan masalah makanan tidak hadam dan masalah pencernaan.



Bedilan meriam tanda berbuka puasa di Pekan

PEKAN, 28 April. - Unik. Bedilan meriam sebanyak satu das bagi menandakan sudah masuk waktu maghrib sepanjang Ramadan sebagai panduan berbuka puasa di bandar diraja ini selain laungan azan.

Ketua Polis Daerah Pekan Supt Mohd Razli Mohd Yusof berkata tradisi menembak meriam itu sudah dimulakan sejak lebih 40 tahun lepas dengan menggunakan dua laras meriam jenis Bavaria Gun M635 daripada Jerman yang setiap satu seberat 415 kilogram.

"Tradisi menembak meriam dipercayai bermula disebabkan ramai penduduk pada waktu dahulu tidak mempunyai radio dan kedudukan rumah yang jauh dari

masjid menyebabkan mereka sukar untuk mengetahui jika sudah masuk waktu maghrib.

"Kedudukan meriam yang dihalakan ke arah Istana Abu Bakar juga adalah tradisi kerana dahulunya ia sebagai pemakluman waktu berbuka kepada Sultan Pahang yang bersemayam di situ dan bunyi tembakan boleh didengar sejauh satu kilometer," katanya kepada Bernama di sini, semalam.

Mohd Razli berkata dua laras meriam itu digunakan secara bergilir sepanjang bulan Ramadan, dengan tugas menembak dilakukan oleh empat anggota daripada cawangan persenjataan Ibu Pejabat Polis Daerah Pekan.

Selain tembakan berbuka puasa,



ANGGOTA Polis Daerah Pekan Sarjan Mohd Radzi Zaini melepaskan satu das bedilan meriam setiap kali masuk waktu Maghrib dan berbuka puasa sepanjang Ramadan merupakan tradisi sejak lebih 40 tahun lalu di Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Pekan, semalam.

Tradisi menembak meriam jenis Bavaria Gun M635 daripada Jerman seberat 415 kilogram itu dipercayai bermula disebabkan ramai penduduk pada waktu dahulu tidak mempunyai radio dan kedudukan rumah yang jauh dari masjid menyebabkan mereka sukar untuk mengetahui jika sudah masuk waktu Maghrib. - ©BERNAMA

Mohd Razli berkata tembakan satu das juga dilepaskan untuk memaklumkan penduduk bermulanya bulan Ramadhan dan

pengisytiharan Aidilfitri, yang dibuat selepas pengumuman oleh Penyimpan Mohor Besar Raja-Raja.

"Lazimnya kami akan membuat percubaan seminggu sebelum jangkaan tarikh puasa bagi memastikan meriam berada dalam

keadaan baik dan akan diselenggara selepas pengisytiharan raya sebelum disimpan untuk kegunaan tahun hadapan," katanya.

Sementara itu, Koperal Mohd Zahri Ab Rahman yang ditugaskan melepaskan tembakan meriam itu sejak tahun 2003 berkata persiapan akan dibuat 10 minit sebelum masuk waktu Maghrib dan akan melepaskan tembakan terlebih dahulu sebelum berbuka puasa.

"Saya diajar begitu oleh anggota sebelumnya supaya penduduk tidak lewat untuk berbuka. Tambahan pula, tugas ini hanya mengambil masa beberapa saat, jadi kami yang bertugas juga tidak lambat sebenarnya untuk berbuka," katanya.

Mohd Zahri berkata dua anggota akan melakukan tugas itu setiap hari dan mereka akan membawa dua butir peluru sebagai 'persediaan' memandangkan pernah berlaku tembakan yang dilepaskan tidak mengeluarkan bunyi. - © BERNAMA

COVID-19 : Hampir 220 rakyat Malaysia masih di Itali

KUALA LUMPUR, 28 April. - Hampir 220 rakyat Malaysia yang bermastautin di Itali memutuskan untuk tidak pulang ke Malaysia susulan penularan wabak COVID-19, kata Duta Malaysia ke Itali Datuk Abdul Malik Melvin Castelino.

Beliau berkata kebanyakan mereka sudah berkahwin dengan rakyat tempatan dan mempunyai pekerjaan tetap.

"Mengikut pangkalan data keduanya, seramai 323 rakyat Malaysia termasuk pelajar berdaftar dengan keduanya.

"Daripada jumlah itu, seramai 81 rakyat Malaysia dan tanggungan selamat tiba di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) dari Itali pada Mac," katanya dalam temu bual eksklusif menerusi Skype bersama Bernama TV malam tadi.

Katanya, pihak kedutaan juga sentiasa berhubung dan memantau perkembangan rakyat Malaysia semasa ke semasa serta

menasihatkan mereka mematuhi semua peraturan ditetapkan kerajaan Itali termasuk duduk di rumah, keluar jika ada urusan berkaitan kesihatan serta mengamalkan penjarakan sosial.

Dalam pada itu, Abdul Malik berkata tiada penuntut Malaysia berada di zon merah penularan wabak COVID-19 dan pihak kedutaan sentiasa berhubung bagi memastikan keselamatan mereka.

Sementara itu, katanya akses kepada makanan dan keperluan asas tidak menjadi masalah kerana semua pasar raya dan farmasi masih dibuka.

Menurutnya, Itali mula menunjukkan trend penurunan kes positif COVID-19 berikutan beberapa langkah dristik kerajaan termasuk mengenakan perintah sekatan pergerakan, penjarakan sosial dan tidak menggalakkan sebarang perhimpunan.

Perdana Menteri Giuseppe Conte dilapor berkata Itali akan melonggarkan sekatan pergerakan di seluruh negara pada 4 Mei, - ©BERNAMA

membolehkan beberapa perniagaan utama disambung semula selepas tujuh minggu tidak beroperasi.

Dalam satu sidang media pada Ahad, Conte mengumumkan permulaan 'fasa dua' wabak COVID-19, yang setakat ini meragut lebih 26,600 nyawa dan menjangkiti lebih 197,675 orang.

Conte memberi amaran, melonggarkan sekatan pergerakan bukan bermakna peraturan penjarakan sosial ditamatkan, ia masih perlu dilaksanakan untuk mengelak lonjakan baharu lengkung penularan.

Bermula 4 Mei, semua aktiviti di sektor pembuatan dan pembinaan dimulakan semula. Tetapi firma perlu memastikan semua protokol keselamatan yang baharu diperkenalkan dipenuhi sepenuhnya.

Majlis pengebumian juga dibenarkan, tetapi diadakan di tempat terbuka, kehadiran tidak melebihi 15 orang. - ©BERNAMA

COVID-19 : Suasana Ramadan yang berbeza di India

NEW DELHI, 28 April. - Suasana Ramadan di India kali ini amat berbeza sekali tanpa bazar, tiada majlis berbuka puasa bahkan tiada solat berjemaah dan tarawih di masjid, berikutan wabak COVID-19 yang melanda kebanyakan negara di dunia.

Masjid Jama yang wujud sejak abad ke-17, terletak di Chandni Chowk, New Delhi, popular dalam kalangan masyarakat muslim di India, kebiasaannya dipenuhi ribuan jemaah, kini lengang.

Perkarangan masjid yang luas, mampu menampung 25,000 jemaah, sebelum ini dipenuhi orang ramai bersama keluarga masing-masing berbuka puasa dengan juadah yang dibawa dari rumah.

Kedai-kedai berdekatan pula dipenuhi dengan pelbagai barang jualan di samping tuan kedai sibuk melayan pelanggan.

"Kami rindu semua itu. Ramadan sangat istimewa bagi

kami di daerah ini tetapi berkumpul beramai-ramai tidak dibenarkan," kata setiausaha agung pertubuhan Majlis-e-Amal Muslim, Syed Tariq Bukhari.

"Kami berdoa dunia akan bebas daripada wabak ini. Kami juga mendoakan kesejahteraan semua orang. Kami harus patuhi peraturan yang ditetapkan kerajaan untuk melawan koronavirus," katanya kepada Bernama.

Sama dengan masjid-masjid yang lain, solat hanya dilakukan oleh imam, muazin dan kakitangan masjid.

India mengumumkan sekatan pergerakan di seluruh negara selama tiga minggu bermula 25 Mac, kemudian dilanjutkan hingga 3 Mei.

Namun, amalan bersedekah dan membantu golongan yang memerlukan terutamanya mereka yang terjejas akibat sekatan pergerakan, tetap berjalan seperti biasa. - ©BERNAMA

"Menjadi tanggungjawab kita untuk membantu mereka yang susah tanpa mengira kepercayaan atau komuniti," kata sukarelawan Maskoor Ahmad yang juga bekas presiden persatuan pelajar Aligarh Muslim University (AMU).

Menjalani ibadah puasa di tengah-tengah penularan COVID-19 turut menguji kesabaran dan mendidik supaya mampu menyesuaikan diri dalam persekitaran kehidupan yang luar daripada kebiasaan, kata profesor di AMU, Saud Alam Qasmi.

"Mengamalkan fleksibiliti dalam situasi seperti ini bukan bermakna kurangnya Islam kita. Menunaikan solat tarawih sendiri atau di rumah juga merupakan sebahagian sunnah," kata Qasmi.

Sebaliknya, kurangnya aktiviti memberikan lebih banyak ruang dan peluang untuk beribadat bersama keluarga, ujarnya. - ©BERNAMA

Jepun akan guna remedesivir untuk rawat pesakit COVID-19

TOKYO, 28 April. - Perdana Menteri Shinzo Abe berkata Jepun dijangka meluluskan penggunaan ubat antivirus remedesivir untuk merawat pesakit koronavirus pada Mei.

"Kelulusan untuk farmaseutikal (remedesivir) akan dapat dibuat tidak lama lagi," kata Abe pada sesi parliment, Isnin, menurut Kyodo News.

Remdesivir dihasilkan oleh syarikat biofarmaseutikal AS, Gilead Sciences Inc. juga digunakan untuk merawat penyakit Ebola.

Ujian klinikal dijalankan pasukan antarabangsa kepada pesakit yang mempunyai gejala COVID-19 akan berakhir bulan ini.

Sebaik Gilead Sciences mengemukakan permohonan, Jepun akan segera meluluskannya.

Di Jepun, ubat antiinfluenza Avigan juga sedang menjalani ujian klinikal terhadap pesakit COVID-19, dijangka tamat pada Jun. Kajian saintifik di China telah menunjukkan keberkesanannya dalam merawat penyakit ini.

Kerajaan Jepun mengarahkan Fujifilm Toyama Chemical Co., untuk meningkatkan pengeluaran Avigan, juga dikenali favipiravir. Bagaimanapun, ubat ini tidak sesuai untuk ibu hamil. - ©BERNAMA

COVID-19 : Dua lagi kematian di Singapura, jumlah 14 orang

SINGAPURA, 28 April. - Singapura yang mengesahkan 799 kes baru jangkitan COVID-19 semalam, melaporkan dua lagi kematian menjadikannya 14 orang.

Dalam kenyataan yang dikeluarkan, Kementerian Kesihatan (MOH) republik itu memaklumkan dua pesakit lelaki yang dilabelkan sebagai kes 1595 dan 9682 meninggal dunia semalam.

Kes 1595 berusia 82 tahun menghidap jangkitan COVID-19 pada 8 April manakala kes 9682, 81, pada 20 April.

Kedua-dua warga emas berkenaan merupakan penduduk tempatan, menurut kenyataan itu.

Setakat 12 tengah hari semalam, 1,095 kes telah pulih sepenuhnya daripada jangkitan itu dan dibenarkan keluar hospital atau kemudahan pengasingan komuniti, manakala 20 lagi kritis dan berada di unit rawatan rapi. - ©BERNAMA

Turki hantar bantuan kelengkapan perubatan ke AS

ANKARA, 28 April. - Sebuah pesawat kargo Angkatan Tentera Turki yang membawa kelengkapan perubatan untuk memerangi wabak COVID-19, berlepas ke Amerika Syarikat (AS) pada Selasa, lapor agensi berita Anadolu.

"Pesawat itu berlepas dari Lapangan Terbang Etimesgut/Ankara," kata Kementerian Pertahanan Turki di Twitter.

Penghantaran peralatan seperti penutup hidung dan mulut, pelindung muka dan baju pelindung itu atas arahan Presiden Recep Tayyip Erdogan.

Sebelum ini, Turki sudah menghantar bantuan yang sama ke Sepanyol, Itali, Britain, Serbia, Kosovo, Bosnia dan Herzegovina, Macedonia Utara, Montenegro, Libya dan Somalia."

Korban akibat COVID-19 di AS mele过asi 56,000 orang dengan jumlah jangkitan hampir sejuta - dua pertiga daripada keseluruhan kematian di dunia. - ©BERNAMA

Kementerian Kesihatan terus terima sumbangan



BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 27 April. - Sebagai Tanggungjawab Sosial Korporat (Corporate Social Responsibility) daripada pihak-pihak penderma dalam membantu pihak Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Kementerian Kesihatan menerima sumbangan-sumbangan dalam usaha bersama-sama menangani dan membendung penularan wabak COVID-19 di Negara Brunei Darussalam.

Terdahulu, Datastream Digital Sdn. Bhd. (DST) menyerahkan sumbangan sebanyak BND187,707.00 yang dikumpul daripada SMS Donation Collection for COVID-19 dan sumbangan daripada DST sebanyak BND150,000 diserahkan oleh Ketua Pegawai Eksekutif DST, Radin Sufri Radin Basiuni kepada Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Md. Isham bin Haji Jaafar di Bilik Tetamu, Tingkat 3, Kementerian Kesihatan.

Yang Berhormat Menteri Kesihatan juga menerima sumbangan BND5,100 daripada Alumni AKBS (Asrama Kerajaan Brunei di Republik Singapura) yang disampaikan oleh mantan Naib Canselor UBD, Dato Paduka Dr. Haji Ismail bin Haji Duraman bagi pihak Pengurusi Kutipan Alumni AKBS bagi Tabung Bantuan COVID-19, Awang Haji Mohd. Zin bin Awang Haji Salleh.

Yang Berhormat kemudian menerima sumbangan daripada Serikandi Group of Companies, berjumlah BND50,000 dan diserahkan oleh Pengurusi Kumpulan merangkap Ketua Pegawai Eksekutif syarikat tersebut, Shaikh Khalid bin Shaikh Haji Ahmad.

Diikuti dengan sumbangan daripada Jisco-TBR Marine JV Sdn. Bhd., berjumlah BND10,000 yang

diserahkan oleh Pengarah syarikat berkenaan, Shaikh Ahmed Khalis bin Shaikh Haji Khalid.

Ya Nur Trading Company Sdn. Bhd. turut menghulurkan sumbangan sebanyak BND30,000 yang diserahkan oleh Ketua Pegawai Eksekutif syarikat berkenaan, Revi Thuruthiyil Bhaskaran.

Sementara pada majlis penyerahan yang berlangsung di Bilik Tetamu, Tingkat Bawah, Kementerian Kesihatan, Stratacom Global Sdn. Bhd. Group of Companies menyerahterahkan baucar tempat penginapan bagi jururawat yang bertugas untuk berehat di The Lanes Hotel, Tutong.

Penyerahan baucar tersebut diserahkan oleh Peter Wong kepada Pemangku Pengarah Dasar dan Perancangan, Kementerian Kesihatan, Dayang Siti Ajar binti Haji Yusop.

Manakala bagi penyerahan sumbangan yang berlangsung di Dewan Al-Afiah, Kementerian Kesihatan, Pemangku Penolong Pengarah Bahagian Kemajuan Projek, Awang Mohamad Sharin bin Haji Sharbini, mewakili Kementerian Kesihatan menerima sumbangan sebanyak 16,000 keping sungkup muka (*face mask*) daripada BruPay Sdn. Bhd. yang diserahkan oleh Ketua Pegawai Eksekutif syarikat tersebut, Awang Haji Sophian bin Dato Seri Setia Dr. Haji Mat Suny.

Alumni EKK, Guild of Graduates, UBD; Kumpulan Keusahawanan Durran Events; Nagawitra Works; dan Winback.bn, masing-masing turut menghulurkan sumbangan berupa sungkup muka kepada Kementerian Kesihatan.

Ia diikuti dengan penyerahan sumbangan sungkup muka sebanyak 12,000 keping kepada kementerian daripada Sing Geap Enterprise Sdn. Bhd. yang diserahkan oleh Penyelia syarikat tersebut, Dayang Siti Nuraini binti Haji Jabidin.

Siaran Akhbar dan Foto :
Kementerian Kesihatan



YANG Berhormat Menteri Kesihatan (kanan) menerima sumbangan daripada Datastream Digital Sdn. Bhd. (DST) yang disampaikan oleh Ketua Pegawai Eksekutif DST, Radin Sufri Radin Basiuni.

Sumbangan berterusan buat Kementerian Kesihatan

Siaran Akhbar dan Foto :
Kementerian Kesihatan

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 28 April. - Dalam usaha bersama-sama menangani dan membendung penularan wabak COVID-19 di Negara Brunei Darussalam, pelbagai pihak terus menghulurkan sumbangan derma kepada Kementerian Kesihatan sebagai Tanggungjawab Sosial Korporat (Corporate Social Responsibility) dalam membantu pihak Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Kementerian Kesihatan menerima sumbangan daripada Syarikat Pondok Sari Wangi Restaurant Sdn. Bhd., iaitu cek berjumlah BND10,000 yang diserahkan oleh Pengarah Urusan syarikat berkenaan, Mijanti D.Rahardja.

Penyerahan sumbangan diadakan di Dewan Al-Afiah, Kementerian Kesihatan.

Hadir menerima sumbangan tersebut, Ketua Pegawai Eksekutif Tingkat I, Kementerian Kesihatan, Awang Haji Abdul Khalid As'ari bin Haji Azahari.



KETUA Pegawai Eksekutif Tingkat I, Kementerian Kesihatan, Awang Haji Abdul Khalid As'ari bin Haji Azahari menerima sumbangan daripada syarikat-syarikat berkenaan (kiri dan kanan).

Majlis diikuti dengan penyerahan sumbangan daripada Syarikat Intracorp (B) Sdn. Bhd. berupa tujuh unit Mistral 20 inch Metal Stand Fan (Model MISF2050); 10

unit Mistral 16inch Stand Fan (Model MSF040); 50 unit Mimica Cool Breezer Rechargeable USD Fan; lima unit Air Purifier Model AC0820; dan lima unit

Philips Air Purifier Model AC2887.

Penyerahan tersebut disampaikan oleh Sales Consultant, Syarikat Intracorp (B) Sdn. Bhd., Lolita Carman Bito-On.

BERITA-BERITA HARIAN BOLEH DIIKUTI DI LAMAN SESAWANG : www.pelitabrunei.gov.bn

'SEDEKAH PALING UTAMA ADALAH SEDEKAH PADA BULAN RAMADAN'

دربیتکن اوله جباتن فراغن، جباتن فردان منtri دان چیتیق اوله جباتن فرچیتمن کراجان، نگارا بروني دارالسلام

Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Jabatan Percetakan Kerajaan, Negara Brunei Darussalam